

**Jilid II**  
**Bil. 11**



**Hari Rabu**  
**14hb April, 1976**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**

***HOUSE OF REPRESENTATIVES***

**PARLIMEN KEEMPAT**

***Fourth Parliament***

**PENGGAL KEDUA**

***Second Session***

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 1153]**

**RANG UNDANG-UNDANG DIRAWA KE DALAM MESYUARAT**  
**[Ruangan 1200]**

**USUL:**

**Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat (No. DR. 2**  
**Tabun 1976) [Ruangan 1200]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Eksels [Ruangan 1209]**

**Rang Undang-undang Institut Teknologi MARA [Ruangan 1226]**

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J. (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK HAJI MOHD ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerja Raya dan Kemudahan-kemudahan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.D.K., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J. (Pontian).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).

- Yang Berhormat TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- " TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEHEN ANAK KATO (Betong).
- " TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT P.P.N. (Bandau).
- " DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " DATUK MOHAMMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, (O.K.I.S.) (Pekan).
- " TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- " TUAN MOHAMED IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- " TUAN MOHAMED SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, (Silam).
- " TUAN HAJI MOHAMED TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.N. (Hilir Padas).
- " TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- " DATUK ENGU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- " RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- " TUAN OH KENG SENG (Petaling).

- Yang Berhormat TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K.  
(Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Star).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau Lundu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HOO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P.  
(Ulu Muda).
- „ TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K.  
(Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 14hb April, 1976
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### RANCANGAN EKONOMI BARU KERAJAAN

1. Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam Rancangan Ekonomi Baru Kerajaan untuk menghapuskan kemiskinan;
- (b) sejauh manakah kejayaan-kejayaan yang telah didapati dalam pencapaian matlamat sekurang-kurangnya 30 peratus penyertaan Bumiputra di bidang perniagaan dan perdagangan dalam masa 20 tahun semenjak rancangan ini dijalankan 5 tahun yang lalu; dan
- (c) memandang kepada kecaman-kecaman dan pandangan-pandangan ramai mengenai rancangan Ekonomi Baru Kerajaan itu adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi mengkaji semula pelaksanaan rancangan yang tersebut itu.

**Menteri Tak Berpotfolio (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menjawab dengan panjang lebar soalan Ahli Yang Berhormat itu mengenai kemajuan yang tercapai di bawah Dasar Ekonomi Baru. Dewan ini akan berpeluang untuk membahaskan perkara ini dalam bulan Julai apabila dokumen Rancangan Malaysia Ketiga dibentangkan. Memadailah kalau saya katakan sekarang bahawa kemajuan yang telah dicapai adalah memuaskan.

Berkenaan dengan soalan samada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi mengkaji semula pelaksanaan rancangan Dasar Ekonomi Baru, saya sukaiah memaklumkan bahawa telahpun ada sebuah badan iaitu Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara yang mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjadi pengerusinya. Jawatankuasa ini sentiasa mengawasi usaha-usaha pelaksanaan rancangan oleh Jabatan-jabatan Kerajaan dari masa ke semasa supaya mematuhi matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru. Memandangkan bahawa badan tertentu telahpun ditubuhkan untuk mengawasi pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru mengenai cadangan mengadakan jawatankuasa khas itu tidaklah perlu buat masa ini.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyatakan samada bilangan penyertaan bumiputra dalam bidang perdagangan dan perindustrian telah tercapai dengan jayanya semenjak polisi Ekonomi Baru diperkenalkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Perkara ini sudah masuk dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi.

#### BADAN PENYELARAS— PEMBENTUKAN

2. Tuan Mohd. Bakri bin Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau bercadang membentuk satu badan penyelaras di peringkat negeri dan daerah-daerah sebagai langkah memesatkan lagi usaha Kerajaan membantu Bumiputra meningkatkan taraf ekonomi mereka sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Badan-badan penyelaras ini mustahak supaya pelancaran program pembangunan

mendapat kata sepakat daripada jabatan-jabatan yang berkenaan terhadap satu-satu projek yang dijalankan di daerah itu.

**Perdana Menteri (Datuk Hussein bin Onn):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Badan-badan yang dicadangkan itu telahpun ditubuhkan di peringkat Negeri dan Daerah. Selain daripada Majlis Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Ketua Menteri dan Majlis Ti dakan Daerah ya g diketuai oleh Pegawai Daerah, ada jawatankuasa-jawatankuasa penyalaras bagi penyertaan bumiputra di bidang perindustrian dan perusahaan di peringkat negeri da daerah. Perjalanan badan-badan tersebut pada masa ini sedang diperbaiki supaya perancangan da pelaksanaan projek pembangunan dapat diadakan dengan lebih licin dan penyalaras antara jabatan dapat diperkokohkan.

#### **DASAR EKONOMI BARU—DEFINISI**

**3. Tuan Lim Kit Siong (di bawah S.O. 24 (2))** minta Perdana Menteri menyatakan samada beiau akan memberi satu definisi ya g lebih jelas mengenai Dasar Ekonomi Baru kerana setakat ini Dasar tersebut hanya menguntungkan segelintir orang-orang Melayu yang kaya dan mempunyai kuasa dan menjadikan orang-orang Melayu dan bukan Melayu lebih miskin.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang faham mengenai soalan ini. Hasrat Kerajaan mengenai Dasar Ekonomi Baru telahpun dijelaskan. Oleh yang demikian, satu definisi yang baru yang lebih jelas lagi mengenai dasar itu tidaklah perlu. Pandangan Ahli Yang Berhormat bahawa Dasar Ekonomi Baru hanya menguntungkan segelintir orang-orang Melayu yang kaya sahaja adalah satu pandangan yang tidak betul. Mungkin fahaman Ahli Yang Berhormat itu sempit dan tertumpu semata-mata kepada pengeluaran lesen, pembahagian saham da penyediaan pekerjaan bergaji tinggi kepada orang Melayu. Satu aspek ya g patut dipertimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah mengenai langkah yang telah diambil oleh Kerajaan, umpamanya, peranan pelaburan awam terutama dalam sektor luar bandar, perindustrian, pelaburan

pihak swasta, pemodenan infrastructure physical dan guna-tenaga manusia, pembinaan perumahan dan sebagainya.

Kesemuanya ini mestilah juga diperhatikan dalam konteks pertumbuhan ekonomi, guna tenaga dan pendapatan yang bertambah. Tidak syak lagi, Tuan Yang di-Pertua, kemajuan yang lebih telah dicapai dalam usaha mengurangkan pengangguran dan kemiskinan dalam negara kita ini.

Dilihat dari prospektif yang lebih luas ini, jelas ah bahawa Dasar Ekonomi Baru telah memberi munafaat kepada semua rakyat Malaysia, baik orang Melayu atau yang bukan Melayu, dan juga yang miskin.

**Tuan Lim Kit Siong:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa sambutan utama di kalangan rakyat terhadap Dasar Ekonomi Baru ialah mengenai segeli tir orang yang mendapat faedah di samping rakyat miskin terus diabaikan. Adakah Kerajaan mempunyai satu jentera (mechanism) untuk mengawal dan mencegah peristiwa-peristiwa atau perkara-perkara di mana ikhtiar-ikhtiar di bawah Dasar Ekonomi Baru berfaedah sahaja kepada segelintir orang dikawal, diawasi dan dihentikan.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya terangkan pandangan Ahli Yang Berhormat itu mengatakan Dasar Ekonomi Baru ini hanya memberi kekayaan kepada segolongan yang kecil orang-orang Melayu, adalah satu pandangan yang tidak betul. Kalau kita pandang dari segi yang luas lagi kita mengetahui dengan sedikit-sebanyaknya bahawa inilah azam kita dari satu masa ke satu masa untuk memperbetul memperbaiki dan menambah lagi pendapatan-pendapatan da kehidupan orang-orang yang miskin dan kita mengetahui iaitu dalam kita menjalankan sesuatu dasar itu ada yang dapat lebih sedikit dan ada yang dapat kurang sedikit, tetapi tidaklah patut mengatakan bagi kebanyakannya tujuan Dasar Ekonomi Baru ini ialah semata-mata kerana faedah hendak mengkayakan orang yang sudah kaya. Kerajaan, sebagaimana saya te ah terangkan di Dewan ini daripada masa ke masa mengetahui, menyemak dan mengkaji berkenaan dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru supaya kebimbangan Ahli Yang Berhormat itu tidak berlaku begitu meluas.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa semenjak Dasar Ekonomi Baru dirancang si miskin di tanahair kita tidak kira kaum makin lama makin lebih miskin, tetapi si kaya di tanahair kita tidak kira kaum juga makin lama makin bertambah kemewahannya. Oleh itu, bolehkah di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan oleh Kerajaan, Kerajaan perlu dan terpaksa mengambil langkah yang tegas untuk mengurangkan perbezaan antara "haves" and "haves-not" di tanahair kita.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dibayangkan kepada rakyat jelata dan juga di Dewan ini bahawa itulah tujuan dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, kita memberi keutamaan dan kelebihan bagi hendak mengatasi dan memperbaiki lagi keadaan kemiskinan di dalam negara kita ini.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menerangkan di dalam Dewan ini di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan oleh Kerajaan pada bulan Julai akan datang, rancangan-rancangan tersebut benar-benar akan memberi faedah kepada rakyat jelata tanpa mengira kaum dan bangsa.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Dalam jawapan Perdana Menteri sudah termasuk perkara itu.

#### **ASET MENTERI/ TIMBALAN MENTERI**

**4. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengambil tindakan meminta setiap Menteri dan Ahli Parlimen mengisytiharkan aset-aset mereka pada setiap tahun supaya dapat memulihkan kepercayaan orang ramai terhadap keutuhan pemimpin-pemimpin politik.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang Menteri dan Timbalan Menteri dilantik memegang jawatannya, beliau adalah dikehendaki mengemukakan secara amanah (in confidence) kepada Perdana Menteri satu senarai butir-butir perusahaan dan juga "interest" yang mereka

miliki. Seterusnya ia hendaklah memutuskan segala hubungan secara aktif dengan perniagaan persendirian atau kerja-kerja iktisas semasa ia memegang jawatan itu.

Bagi Ahli-ahli Parlimen pula, Kerajaan tidak dapat menerima cadangan supaya mereka dikehendaki mengisytiharkan aset-aset mereka. Ahli-ahli Parlimen hanya diberi elaun bulanan sahaja dan bukan mendapat gaji penuh. Oleh kerana mereka menjalankan pekerjaan persendirian dan tidak mempunyai kuasa eksekutif (executive powers) di tangan mereka itu bagi membuat keputusan, tidaklah wajar jika mereka juga dikehendaki memberi maklumat mengenai perkara-perkara peribadi untuk pengetahuan orang ramai.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada satu peraturan yang mewajibkan setiap Menteri dan Timbalan Menteri pada tiap-tiap tahun mengisytiharkan harta masing-masing dan ini akan menyakinkan dan lebih menaruh kepercayaan rakyat terhadap kejujuran, kebersihan pemimpin-pemimpin Kerajaan di negara kita dan akan membuat satu sumbangan yang besar terhadap membina satu masyarakat yang bersih.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedar bahawa ada satu peraturan yang mewajibkan setiap Menteri dan Timbalan Menteri membuat perisytiharan atau pengumuman setahun demi setahun mengenai harta masing-masing dan ini akan menyebabkan rakyat lebih percaya kepada kejujuran dan kebersihan pemimpin-pemimpin Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu sudah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, sebelum seseorang itu dilantik iaitu Menteri atau Timbalan Menteri sudah mengisytiharkan aset-asetnya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan saya pengisytiharan atau pengumuman public.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, masaalah ini telah dibangkitkan di Dewan ini, barangkali Ahli Yang Berhormat itu ingat iaitu satu Usul telah dikemukakan

dalam Dewan ini supaya menjadi undang-undang yang ada kuatkuasa ataupun peraturan yang berkuatkuasa memaksa ataupun mewajibkan seseorang Menteri atau Timbalan Menteri itu memberikan butir-butir berkenaan dengan harta-benda mereka dan Usul itu telah ditolak oleh Dewan ini. Ini rasa saya tidaklah in the public interest keadaan yang kita ada pada masa ini mengadakan peraturan seperti itu dan memadai pada hemat saya peraturan sebagaimana yang disebutkan tadi iaitu bila seseorang itu dilantik menjadi Menteri atau Timbalan Menteri beliau dikehendaki mengumumkan secara amanah (in confidence) kepada Perdana Menteri harta-bendanya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjelaskan di dalam Dewan ini adakah pada masa dahulu tiap-tiap tahun tiap-tiap Menteri termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen memberi laporan mengenai harta yang dimiliki oleh mereka kepada Perdana Menteri.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan ini telah dijalankan dan Menteri-menteri telah daripada setahun ke setahun bila Menteri-menteri itu mempunyai atau memiliki harta yang baru menyampaikan senarainya kepada Perdana Menteri. Senarai itu dipegang dan disimpan oleh Perdana Menteri sendiri.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ada lagi?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri atau bekas Perdana Menteri siasat dengan teliti jika seseorang Menteri mahupun Timbalan Menteri melaporkan harta yang terlampau besar di dalam apa-apa masa . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Hutangnya macam mana. Itu tentang hartanya sahaja, hutangnya bagaimana? (*Ketawa*)

**Dr Tan Chee Khoon:** Hutang pun barangkali mereka lapurkan, tetapi asset.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah mengetahui berkenaan dengan apa yang Tun (Allahyarham bekas Perdana

Menteri) buat berkenaan dengan senarai-senarai yang disampaikan kepadanya oleh seseorang Menteri atau Timbalan Menteri berkenaan dengan memiliki harta-bendanya. Tetapi berkenaan dengan diri saya, saya ini baharu dan belum lagi ada senarai yang baru yang disampaikan kepada saya. Kalau senarai itu sampai kepada saya dan menengokkan seseorang Menteri itu dalam senarai itu ada hartanya yang patut saya bertanya kepadanya macam mana dia dapat ini, samada membeli sesebuah rumah dengan harga \$100,000 atau \$200,000, oleh kerana dia kena loterikah. Kalau ada senarai semacam itu, saya tentu bertanya kepada dia dari mana saudara ini mendapat wang membeli dan memiliki harta ini. Saya tentu akan bertanya kepada dia. Selalunya Menteri-menteri itu yang saya tahu bila dia memberi senarainya dia menerangkan duit mana dan macam mana dia dapat memiliki harta yang diberi senarai kepada Perdana Menteri itu.

## PERLAKSANAAN LAPURAN GAJI HARUN

**5. Tuan Oh Keng Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab yang melambatkan pelaksanaan Lapuran Gaji Harun khususnya pelaksanaan faedah-faedah persaraan untuk pekerja-pekerja majlis-majlis tempatan dan nyatakan bilakah sekiranya akan dilaksanakan dan juga nyatakan bilangan pekerja-pekerja yang telah sampai masa untuk bersara tetapi tidak diberi faedah-faedah persaraan akibat kelambatan dalam pelaksanaan Lapuran Gaji tersebut, dan samada Kerajaan akan menimbang untuk mengambil balik mereka yang terlibat itu untuk bekerja sementara menunggu menerima faedah-faedah persaraan mereka.

**Tan Sri Choong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan telah melaksanakan Lapuran Gaji Harun. Hanya sebahagian kecil sahaja Badan-badan berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang belum lagi selesai melaksanakan Lapuran tersebut. Kelambatan ini adalah disebabkan oleh kesulitan kewangan pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

Kelambatan melaksanakan pembayaran faedah-faedah persaraan untuk pekerja-pekerja Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan yang bersara adalah secara pentadbiran (administrative) sahaja.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, inilah pertama kalinya sebilangan besar Badan-badan Berkanun dan semua Kuasa-kuasa Tempatan terlibat dalam penyediaan kertas-kertas pencen bagi pekerja-pekerja ini dan dalam keadaan ini sudah tentu kelewatan berlaku.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah dan sedang berusaha sedaya-upaya untuk menyergerakan pelaksanaan pembayaran faedah persaraan ini. Kerajaan telah menubuhkan Tabung Faedah Persaraan Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan untuk menguruskan Sekim Pencen bagi pekerja-pekerja yang tertakluk di bawah Sekim Pencen Lapuran Suruhanjaya Gaji Harun.

Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam sekarang bersedia menerima permohonan pembayaran faedah persaraan daripada Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Suatu Surat Pekeliling telahpun diedarkan untuk maksud ini.

Bahagian itu juga telah mengadakan perjumpaan dengan Majlis Bersama Kebangsaan (Pihak Pekerja) untuk memberi penerangan lanjut mengenai cara menyediakan kertas-kertas persaraan. Beberapa bengkel telah juga diadakan dengan wakil-wakil Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan untuk memberi penerangan yang sama.

Bilangan pekerja Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan yang telah disarakan sejak bulan Mei, 1969 adalah dianggarkan di dalam lingkungan 4,000 orang dari semua peringkat. Sebagai langkah pendahuluan, pekerja yang boleh mendapat sijil tanggungan cukai pendapat, hutang dari pinjaman perumahan dan Sijil Kumpulan Wang Simpanan Pekerja akan dibenarkan menerima pendahuluan dari carum majikan ke Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1/1975 mengandungi peraturan mengenai perantaraan semula pesaran-pesanan atau dasar jawatan sementara dan terpujanglah kepada Kuasa-kuasa berkenaan untuk mentadbirkan.

## PERTUBUHAN MASYARAKAT

**6. Tuan Haji Hadadak bin Haji D. Pasauk** (di bawah S.O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan Pertubuhan Masyarakat yang telah ditubuhkan di Malaysia serta namakan negeri/bandar/kampung di mana ia ditubuhkan dan nyatakan kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini;
- (b) samada Pertubuhan Masyarakat akan didirikan di tempat-tempat yang belum ada dan nyatakan tujuan-tujuan Pertubuhan ini yang sebenarnya; dan
- (c) jumlah sumbangan Kerajaan kepada sesebuah Pertubuhan setelah ianya ditubuhkan untuk membiayai kegiatannya dan samada sumbangan Kerajaan itu dibelanjakan mengikut kehendak kehendak Pertubuhan itu sendiri;
- (d) bentuk kuasa yang boleh dijalankan oleh sesebuah Pertubuhan; dan
- (e) samada Kerajaan memikirkan mungkin bahawa kegiatan Pertubuhan ini boleh dijalankan oleh badan-badan sukarela yang lain yang sama tujuannya.

**Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Athi Nahappan):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan Pertubuhan Masyarakat yang telah ditubuhkan di seluruh Malaysia ialah sebanyak 50 seperti berikut:

|                |                         |
|----------------|-------------------------|
| Bil. 1 Negeri: | Wilayah Persekutuan     |
| Bandar:        | Kuala Lumpur            |
| Kawasan:       | 1. Jinjang              |
|                | 2. Batu                 |
|                | 3. Setapak              |
|                | 4. Kepong               |
|                | 5. Sentul               |
|                | 6. Air Panas            |
|                | 7. Bungsar              |
|                | 8. Tiong Nam            |
|                | 9. Kg. Baru/Chow Kit    |
|                | 10. Datuk Keramat       |
|                | 11. Bukit Bintang/Imbi  |
|                | 12. Jalan Shah/Loke Yew |
|                | 13. Pudu                |
|                | 14. Jalan Kelang        |
|                | 15. Sg. Besi Utara      |
|                | 16. Kg. Pandan          |
|                | 17. Petaling            |
|                | 18. Sg. Besi Selatan    |
|                | 19. Cheras              |
|                | 20. Jalan Pekeliling    |

- Bil. 2 Negeri: Negeri Sembilan  
 Bandar: Seremban  
 Kawasan: 1. Ampangan/Sikamat  
 2. Temiang/Bandaran  
 3. Rasah/Rahang
- Bil. 3 Negeri: Perak  
 Bandar: Telok Anson  
 Kawasan: 1. Changkat Jong  
 2. Batak Rabbit  
 3. Pasir Bedamar
- Bil. 4 Negeri: Pulau Pinang  
 Bandar: Georgetown  
 Kawasan: 1. Jalan Northam  
 2. Jalan Beach  
 3. Jalan Western/MacAlister  
 4. Greenlane/Jelutong Barat  
 5. Batu Lanchang/Gelugor/Jelutong Timor  
 6. Air Hitam  
 7. Padang Tembak  
 8. Tanjong To' Kong
- Bil. 5 Negeri: Kedah  
 Bandar: Kulim  
 Kawasan: 1. Pekan Kulim  
 2. Kelang Lama
- Bil. 6 Negeri: Johor  
 Bandar: Kluang  
 Kawasan: 1. Bandar Utara  
 2. Bandar Selatan  
 3. Yap Taw Sa  
 4. Kolam Air  
 5. Hospital
- Bil. 7 Negeri: Johor  
 Bandar: Batu Pahat  
 Kawasan: 1. Bakau Chondong/Bukit Pasir  
 2. Jalan Kluang Utara  
 3. Jalan Kluang Selatan  
 4. Limpoon/Tanjong Laboh  
 5. Bandar
- Bil. 8 Negeri: Sarawak  
 Bandar: Miri  
 Kawasan: 1. Lutung/Shell/Piasau/Pujut  
 2. Kampong Dagang  
 3. Brishon/Tanjong Luah  
 4. Bandar.

gotong-royong membersihkan kawasan, kempen anti dadah, sukan rakyat, memupuk perasaan muhibbah di kawasan masing-masing dan lain-lain lagi.

- (b) Ya. Pertubuhan Masyarakat akan diadakan di tempat-tempat yang belum ada pertubuhan.

Tujuan utama Pertubuhan Masyarakat ialah untuk menyatupadukan masyarakat dalam kawasan bandar yang terdiri daripada berbilang kaum dan juga untuk mengekalkan perhubungan di antara Kerajaan dengan rakyat berdasarkan kepada semangat muhibbah dan perasaan saling hormat-menghormati, percaya-mempercayai dan sama-sama mempunyai keyakinan untuk mencapai matlamat yang dicita-citakan. Pertubuhan ini adalah mengambil alih tugas-tugas Jawatankuasa Muhibbah dan ia merupakan badan yang benar-benar menggerakkan Rancangan Perhubungan Masyarakat di kalangan rakyat.

- (c) Jumlah sumbangan Kerajaan kepada tiap-tiap Pertubuhan Masyarakat adalah sebanyak \$3,000 setahun untuk membiayai kegiatan-kegiatannya. Sumbangan itu adalah dibelanjakan mengikut kehendak-kehendak Pertubuhan Masyarakat itu sendiri dengan kelulusan daripada pihak Majlis Perhubungan Masyarakat kawasan yang berkenaan.

- (d) Kuasa yang diberi kepada sesebuah Pertubuhan ialah membolehkan penduduk-penduduk tempatan mengadu masalah-masalah yang dihadapi untuk dikemukakan kepada pihak yang berkenaan. Pertubuhan ini juga berusaha untuk memupuk perasaan muhibbah dan harmoni serta menyelaraskan masalah-masalah perselisihan faham di kalangan penduduk dari semasa ke semasa. Pertubuhan ini menjalankan aktiviti-aktiviti yang boleh menolong semua penduduk tempatan berkumpul bersama-sama bagi mengeratkan lagi perasaan persaudaraan sesama mereka. Melalui Pertubuhan ini, dapat disebarkan dasar-dasar Kerajaan untuk mendapat sambutan dan kerjasama dari penduduk-penduduk.

Pada keseluruhannya, Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Masyarakat ini telah berjaya mengumpulkan penduduk-penduduk tempatan dari berbilang kaum untuk sama-sama melaksanakan rancangan/projek yang telah diatur bagi mereka. Misalnya kegiatan ber-

- (e) Oleh kerana Pertubuhan Masyarakat ini diwakili oleh semua Pertubuhan-pertubuhan Sukarela yang terdapat di sesuatu kawasan, maka segala aktiviti yang dijalankan oleh Pertubuhan Sukarela dapat diselaraskan, dan ini bererti tidaklah perlu lagi bagi badan-badan sukarela yang lain menjalankan aktiviti-aktiviti yang sama.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kebanyakan Pertubuhan Masyarakat yang ditubuhkan di seluruh negara hanya berjalan secara terputus-putus atau intermittent function. Oleh itu cita-cita untuk mengujudkan bangsa Malaysia yang bersatu amat sukar untuk dilaksanakan. Dalam keadaan ini, dapatkah Yang Berhormat Menteri menimbangkan satu cara yang mungkin dapat meneruskan perjalanan pertubuhan seumpama itu tanpa sebarang halangan?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sedar atau tidak sedar.

**Datuk Athi Nahappan:** Saya sedar, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah menjawab soalan ini dengan panjang lebar dan tujuan pertubuhan ini sudah dijelaskan dalam jawapan saya tadi, iaitu mengenai berbagai-bagai rancangan di seluruh negara yang akan dilaksanakan menurut keputusan-keputusan yang tetap telah diambil.

## PENGEMBANG AJARAN ISLAM

**7. Tuan Haji Ahmad bin Haji Ithnin** minta Perdana Menteri menyatakan samada pengembang-pengembang ajaran-ajaran Islam dari luar negeri khususnya dari negara-negara sahabat dibenarkan masuk ke Malaysia atau adakah mereka dikehendaki menghubungkan terus Majlis Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia; jika ya, nyatakan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Seri Haji Kamaruddin bin Haji Mohd. Isa):** Tuan Yang di-Pertua, pengembang-pengembang ugama Islam dari luar negeri yang datang ke Malaysia untuk berdakwah hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada sebuah Jawatan-kuasa Penapis dari Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia.

Syarat-syarat untuk melayakkan mereka berdakwah atau memberi ajaran ugama Islam di negeri ini adalah seperti berikut:

- (i) Hendaklah mempunyai latarbelakang yang baik di negeri masing-masing iaitu tidak terlibat dalam anasir-anasir yang merosakkan.
- (ii) Ajaran-ajaran yang diajarkannya hendaklah tidak bercanggah dengan ajaran ahli al-sunnah-wal-jamaah.
- (iii) Mempunyai latar belakang pelajaran ugama yang baik.
- (iv) Kedatangan mereka ke Malaysia hendaklah ada penganjur atau penjamin tempatan.

## HAKMILIK STRATA (STRATA TITLES)

**8. Tuan Hishamuddin bin Haji Yahya** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada hakmilik Strata (Strata titles) sudah pun dikeluarkan oleh pejabat-pejabat tanah terutamanya di Wilayah Persekutuan dan jika tidak mengapa.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Sebagai Negeri-negeri yang mempunyai pembinaan bangunan bertingkat-tingkat hanya negeri Perak sekarang ini telahpun mengeluarkan hakmilik strata (strata titles). Sehingga sekarang sebanyak lebih kurang 120 hakmilik strata telahpun disediakan dan dikeluarkan bagi sebanyak 4 buah bangunan bertingkat-tingkat di negeri Perak.

Di Wilayah Persekutuan pula setakat ini telahpun menerima sebanyak 2 permohonan untuk hakmilik strata dan satu daripada permohonan ini telahpun diluluskan.

Saya telahpun difahamkan juga bahawa Negeri Pulau Pinang dan Trengganu juga sedang menimbangkan permohonan yang telah diterima oleh mereka.

Setakat yang saya tahu Negeri-negeri lain belum lagi menerima permohonan untuk hakmilik strata ini.

Daripada keterangan di atas adalah jelas bahawa permohonan-permohonan untuk hakmilik strata ini adalah sangat kurang dibuat oleh pihak-pihak yang berkenaan. Pihak

pejabat tanah adalah bersedia untuk melaksanakan semua permohonan-permohonan jika ada diterima.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yabya:** Soalan tambahan. Mengikut penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa permohonan strata titles ini sangat kurang. Ini mungkin disebabkan oleh kerana pembeli-pembeli flat ini kurang mengetahui ataupun sebahagian besar daripada mereka kurang mengetahui di atas hak mereka untuk memohon hakmilik strata, dan juga Kementerian yang berkenaan tidak pula meletakkan syarat kepada pemaju-pemaju flat supaya memohon hakmilik strata demi menjaga kepentingan pembeli-pembeli. Jadi di dalam keadaan demikian, maka pemaju-pemaju flat ini biasanya mengeksploit dan mengambil kesempatan ini dengan memonopoli memberikan finance kepada pembeli-pembeli dengan meletakkan syarat-syarat yang sangat memudaratkan hak-hak pembeli itu. Jadi adakah apa-apa tindakan Kementerian yang berkenaan untuk menjaga kepentingan pembeli flat?

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya baru-baru ini Kementerian saya sedang mengkaji hendak membuat satu perubahan kepada undang-undang supaya boleh memaksa pemaju-pemaju perumahan mengeluarkan strata titles kepada pembeli-pembeli dalam masa yang tertentu.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa pengeluaran Strata titles akan dapat menolong dengan cara yang paling berkesan kepada kumpulan berpendapatan rendah membeli rumah-rumah mereka dari wang pinjaman cagaran. Dalam keadaan ini, mengapakah berlaku kelewatan dalam pelaksanaannya walaupun ia telah dirancang begitu lama dahulu.

**Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu perkara pengeluaran Strata titles akan menolong pembeli-pembeli flats ini, akan tetapi jikalau tidak ada permohonan daripada pihak pemaju rumah, bagaimana pihak Jabatan Tanah hendak mengeluarkan Strata titles itu kepada pembeli-pembeli.

## PERINTAH TAHANAN KEPADA PENJENAYAH ASING

**9. Tuan R. Rajasingam** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menerangkan tujuan menghantarkan warganegara luar ke Pusat Pemulihan di Pulau Jerejak di bawah Ordinan Darurat yang sepatutnya dihantar balik ke negeri masing-masing kerana perbuatan ini hanya membazirkan wang pembayar cukai.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Perintah Tahanan adalah perlu dikenakan ke atas golongan seperti yang dikatakan Ahli Yang Berhormat itu.

Soal pembaziran wang pembayar cukai tidak timbul di sini kerana dengan mengenakan Perintah Tahanan seperti itu matlamat Kerajaan tercapai bagi menghalang penjenayah-penjenayah asing atau dari negara luar yang berniat hendak menjalankan kegiatan jahat di negara kita.

Jika seseorang bukan warganegara yang telah melibatkan diri dalam kegiatan jenayah di negara ini, cuma diusir sahaja dari Malaysia dan tindakan yang sedemikian tidak akan meninggalkan kesan kepada penjenayah-penjenayah itu bahkan penjenayah-penjenayah warganegara asing dari negara luar yang lainnya akan datang ke Malaysia kerana katanya mereka boleh menjalankan apa-apa kegiatan-kegiatan, lebih-lebihnya diusir kita keluar.

Dengan tindakan penghantaran balik juga akan memberi peluang kepada penjenayah-penjenayah tadi menyambung semula kegiatan mereka di Malaysia dari luar negeri, di mana tindakan seperti ini akan mengancam atau memudaratkan ketenteraman dalam negeri kita.

**Tuan Ngan Siong Hing:** Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa beberapa orang yang tidak cukup umur telah dihantar ke Pulau Jerejak?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu berkehendakkan notis.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, itu soalan lain sekali, dan juga perkara itu mungkin tak boleh jadi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya pun sudah katakan tadi itu soalan lain.

### PERKHIDMATAN GIGI DI SEKOLAH-SEKOLAH

**10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa usaba Kerajaan dalam menjaga kesihatan gigi kanak-kanak sekolah setakat ini, melalui Klinik Pergigian Sekolah, Klinik Pusat Pergigian (Kawasan Luar Bandar) dan Klinik Bergerak tidak dapat mencapai kejayaan sepenuhnya dan nyatakan:

- (a) Bilangan sekolah-sekolah dalam tiap-tiap buah negeri di seluruh negara yang ada Klinik Pergigian Sekolah;
- (b) Bilangan Klinik Pusat Pergigian (Kawasan Luar Bandar) seluruh negara; dan
- (c) cadangan Kerajaan bagi memesatkan lagi perkhidmatan pergigian kanak-kanak sekolah.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua, Perkhidmatan Pergigian di Kementerian saya memberi tumpuan dayausaha yang utama untuk menjaga kesihatan gigi kanak-kanak di sekolah. Kemajuan-kemajuan yang dicapai di bidang ini telahpun berlipatganda berbanding dengan keadaan dalam tahun-tahun lima-puluhan atau enampuluhan.

Kementerian saya juga sedar bahawa mencegah kerosakan gigi adalah lebih mustahak daripada rawatannya. Untuk mencapai tujuan ini Kerajaan telah melancarkan langkah-langkah pencegahan seperti membubuh Floraid ke dalam bekalan air minum yang mana setakat ini memakan belanja lebih daripada 2 juta ringgit, supaya kekurangan kerosakan gigi yang lebih besar dapat dicapai bagi menentukan kesihatan gigi yang lebih baik di kalangan rakyat.

- (a) Di hujung tahun 1975, terdapat sebanyak 183 buah Klinik pergigian sekolah dengan 210 buah kerusi.

| Negeri          | Bilangan Klinik Pergigian | Bilangan Kerusi Yang Dipasang |
|-----------------|---------------------------|-------------------------------|
| Perlis ...      | 9                         | 9                             |
| Kedah ...       | 15                        | 18                            |
| P. Pinang ...   | 20                        | 24                            |
| Perak ...       | 26                        | 36                            |
| Selangor ...    | 29                        | 29                            |
| N. Sembilan ... | 17                        | 19                            |
| Melaka ...      | 14                        | 19                            |
| Johor ...       | 27                        | 30                            |
| Pahang ...      | 8                         | 8                             |
| Trengganu ...   | 7                         | 7                             |
| Kelantan ...    | 11                        | 11                            |
|                 | <hr/> 183                 | <hr/> 210                     |

Beberapa buah kelinik lagi akan didirikan dalam Rancangan Malaysia yang Ketiga.

Selain dari Klinik Pergigian Sekolah yang memberikan rawatan kepada kanak-kanak sekolah, Perkhidmatan Pergigian juga ada 17 buah Klinik Pergigian Bergerak (Mobile Dental Clinic) mengandungi 31 kerusi pergigian yang memberikan perkhidmatan rawatan kepada kanak-kanak sekolah.

Rawatan yang diberikan oleh Klinik Bergerak ini adalah ditumpukan semata-mata kepada sekolah-sekolah di luar bandar yang tidak mempunyai kelinik pergigian di sekolah-sekolahnya. Banyaknya kelinik di sekolah yang dapat diadakan adalah bergantung kepada banyaknya Jururawat Pergigian yang sedang diberi latihan. Kadang-kadang sukar hendak mendapat ruangan yang sesuai di sekolah-sekolah di luar bandar untuk mendirikan Klinik-klinik Pergigian.

- (b) Di kawasan-kawasan luar bandar, sehingga ke hari ini didapati sebanyak 56 Pusat Kesihatan Besar dan 208 Pusat Kesihatan Kecil dari seluruh negara. Tiap-tiap satu pusat kesihatan ini telahpun dibekalkan dengan kelinik-klinik pergigian yang mengandungi 341 buah kerusi pergigian untuk memberikan perkhidmatan rawatan pergigian kepada rakyat-rakyat di kawasan luar bandar.

- (c) Bahagian Pergigian Kementerian saya akan menubuhkan Pasukan Pergigian Kbas dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk bertugas memberi rawatan pergigian ke sekolah-sekolah yang betul-betul terpencil dan tidak pernah merasai menfaat perkhidmatan pergigian. Tiap-tiap satu pasukan itu akan dibekalkan dengan sebuah kereta jeep dan pasukan ini dianggotai oleh seorang Doktor Gigi, dua orang Jururawat Pergigian, tiga orang Pembantu Pembelahan Pergigian dan tiga orang Atendan. Sekolah Latihan Jururawat Pergigian di Pulau Pinang akan diperbesarkan lagi bagi melipatgandakan pengambilan pelatih-pelatih dari 50 ke 100. Di samping itu pengambilan Juru-teknik-juruteknik Pergigian juga akan ditambah.

Langkah-langkah pencegahan kerosakan gigi akan dipergiatkan lagi. Pada tahun ini projek Fluoridation akan meliputi kawasan-kawasan yang tidak dimasukkan dalam Phase I tempoh hari. Apabila Phase I dan Phase II telah dilaksanakan dengan sepenuhnya, ia akan memberi menfaat kepada lebih kurang 7½ juta rakyat di Semenanjung Malaysia yang mana 40 peratus daripada jumlah penduduk itu adalah kanak-kanak yang bersekolah dan yang belum bersekolah.

### **TALIPON DI LAPANGAN TERBANG SUBANG**

11. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim minta Menteri Perhubungan menyatakan, memandangkan banyak kesulitan yang dialami oleh orang ramai mengenai kelemahan sistem talipon di Lapangan Terbang Subang pada masa ini, samada Kementerian beliau akan mengambil tindakan segera bagi mengatasi perkara ini atau terpaksa menunggu hingga rancangan pembesaran Lapangan Terbang itu selesai.

Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariif): Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang ada 14 buah talipon-talipon orang awam yang dipasang di beberapa tempat di Lapangan Terbang Antara Bangsa Subang iaitu dekat tempat perhimpunan, tempat perjalanan, Dewan-dewan Ketibaan Utara dan Selatan dan lain-

lain lagi. Keadaan-keadaan kelemahan yang terdapat dari setengah-setengah talipon ini ialah terutamanya kerana kerosakan-kerosakan yang disebabkan oleh perbuatan yang kurang sehat. Ada terdapat alat-alat talipon itu telah dipecahkan dan sampah-sampah dimasukkan ke dalam peti talipon itu menyebabkan peti-peti talipon itu tersumbat.

Talipon-talipon orang awam ini selarang dikendalikan oleh sebuah Syarikat berseendirian di bawah kontrak dengan Kerajaan. Akan tetapi, pemeriksaan-pemeriksaan biasanya dijalankan setiap hari oleh kakitangan-kakitangan Talikom setiap kerosakan alat-alat dilaporkan kepada Syarikat tersebut bagi diperbaiki. Ada kalanya terdapat ke-lambatan bagi memperbaiki kerosakan talipon-talipon itu ialah kerana kekurangan alat gantian. Syarikat tersebut telah diminta untuk memberi lebih perhatian bagi memperbaiki perkhidmatan pada talipon-talipon orang awam dekat Lapangan Terbang Subang. Jabatan Talikom juga sedang memasang cable baharu dari Ibu Sawat Petaling Jaya ke Lapangan Terbang Subang untuk memperbaiki dan meluaskan lagi perkhidmatannya.

### **SAHAM MARA DALAM SYARIKAT BAS**

12. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan bilangan saham yang dimiliki oleh MARA di dalam syarikat-syarikat bas yang telah dijual kepada Bumiputra di dalam tahun 1975 dan 1976.

Menteri Perusahaan Awam (Datuk Haji Mohamed bin Yacub): Tuan Yang di-Pertua, di masa ini MARA telah mengelolakan 9 buah syarikat-syarikat pengangkutan bas. Pada tahun 1975 MARA telah menjual 1,000 unit saham berharga \$1 tiap-tiap satu di dalam 2 buah syarikat iaitu 500 unit di dalam Syarikat Ikatan Setia Berhad, dan 500 unit lagi di dalam Syarikat Tanjong Keramat Temerloh Utara Omnibus Berhad.

Oleh itu, kedudukan saham-saham pada masa ini ialah bagi Syarikat Ikatan Setia Berhad, saham MARA sebanyak 94.1% dan Bumiputra ialah 5.9%. Syarikat Tanjong Keramat saham MARA 88.5% dan Bumiputra 11.5%.

Dalam tahun 1976 belum ada lagi saham-saham yang telah dijual kepada Bumiputra.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menerangkan di bawah sistem pembelian apakah saham-saham bas MARA dijual kepada Bumiputra dan dapatkah Menteri yang berkenaan menimbangkan supaya pihak yang berkenaan dapat menerima pembayaran secara ansuran dengan demikian penduduk-penduduk Bumiputra luar bandar yang kurang bernasib akan berpeluang membuat pelaburan menerusi saham-saham bas MARA tersebut.

**Datuk Haji Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, kalau sesuatu buah syarikat bas itu yang maju dan boleh untung, maka pihak MARA cuba seberapa boleh hendak menjualkan saham-saham itu, tetapi saham-saham itu akan ditawarkan dan juga dirundingkan dengan Bumiputra tempatan. Kalau ada sambutan maka MARA akan merundingkan dengan Bumiputra-bumiputra yang berkenaan. Berkenaan dengan bayaran cara ansuran (instalment) itu terserahlah kepada pasukan yang hendak membeli dengan pihak yang hendak menjual.

### **SYARIKAT INSURAN— BAYARAN TUNTUTAN**

**13. Tuan Oh Keng Seng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak Syarikat-syarikat Insuran lengah bertindak membuat pembayaran tuntutan yang diperseetujui untuk dibayar; jika benar, apakah tindakan yang dicadangkan hendak diambil terhadap syarikat-syarikat insuran yang enggan membayar.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya ketahui tidak ada syarikat-syarikat insuran yang sengaja melengahkan pembayaran-pembayaran terhadap tuntutan-tuntutan yang telah diperseetujui oleh mereka. Mungkin terdapat keadaan di mana berlakunya kelengahan tetapi ianya tidaklah besar bilangannya. Oleh kerana syarikat-syarikat insuran mesti menentukan terlebih dahulu siapa waris yang berhak sebelum membuat pembayaran, proses ini sudah tentu menyebabkan kelengahan berlaku bagi sebilangan kes-kes yang rumit.

Saya dengan sukacitanya meminta Ahli Yang Berhormat itu supaya menunjukkan sebarang kelengahan-kelengahan tersebut oleh syarikat-syarikat insuran kepada Ketua Pengarah Insuran di mana di pejabatnya terdapat seksyen khas yang mengendalikan aduan-aduan terhadap syarikat-syarikat insuran. Tiap-tiap satu aduan diselidik dengan teliti dan tindakan sewajarnya diambil oleh Ketua Pengarah Insuran terhadap syarikat-syarikat insuran yang enggan membayar berdasarkan "merit" satu-satu kes.

**Tuan Oh Keng Seng:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar satu kebakaran besar telah berlaku di Campbell Shopping Complex dan beberapa juta wang telah hilang. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang mengadakan satu mesyuarat di antara pihak Kerajaan dengan Syarikat-syarikat Insuran supaya tuntutan-tuntutan boleh diselesaikan dengan secepat mungkin.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat itu pada hemat saya belum timbul lagi. Apabila ada masalaahnya seperti itu timbul saya fikir lebih baik dirunding terlebih dahulu di antara pihak yang membeli insuran itu dengan syarikat-syarikat insuran itu.

**Tuan S. Samy Vellu:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa Syarikat-syarikat Insuran yang tertentu amat gigih dalam penjualan polisi-polisi mereka, tetapi apabila tiba kepada soal tuntutan pembayaran, sebahagian dari mereka mengeluarkan notis untuk melepaskan diri dengan meletakkan kesalahan kepada si pembayar sebagai lalai dan sebahagiannya. Apakah tindakan yang akan dilakukan oleh Kementerian terhadap Syarikat-syarikat Insuran yang tiada bertanggungjawab itu.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah saya cadangkan tadi kalau ada kes-kes yang specific saya mintalah lapurkan kepada Ketua Pengarah Insuran.

### SUKATAN MAKANAN KEPADA PESAKIT DI HOSPITAL

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) samada sukatan makanan yang diberikan kepada pesakit-pesakit di wad-wad hospital sekarang bersesuaian dengan keadaan pada masa ini;
- (b) berapakah harga sekali makan bagi seseorang pesakit sekarang dan berapakah harga purata dalam tiap-tiap tahun dalam tempoh lima tahun yang lalu;
- (c) apakah jenis-jenis makanan yang diberikan kepada pesakit-pesakit sekarang; dan
- (d) jumlah bayaran-bayaran wad yang dikutip dalam tahun 1975 di Semenanjung Malaysia.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukatan makanan yang diberi kepada pesakit-pesakit adalah bersesuaian kerana ianya mengikut sukatan yang dikaji dan disyorkan oleh Pegawai Zat Makanan. Ianya juga disesuaikan mengikut keadaan penyakit yang dihadapi oleh tiap-tiap seorang pesakit.
- (b) Kementerian saya tidak mengutip angka-angka mengenai harga sekali makan bagi tiap-tiap pesakit dalam semua hospital bagi tiap-tiap tahun tetapi mengikut kajian yang dibuat dalam tahun 1970, di hospital-hospital anggaran purata belanja makanan sehari bagi pesakit ialah \$1.50 bagi wad Kelas III, \$2.00 bagi wad Kelas II dan \$5.00 bagi wad Kelas I. Tetapi anggaran purata dalam tahun 1975 pula ialah \$2.00 bagi wad Kelas III, \$3.00 bagi wad Kelas II dan \$7.00 bagi wad Kelas I. Belanja makanan bermakna makan siang dan malam, sarapan pagi dan teh waktu petang. Perbelanjaan ini tidaklah termasuk perbelanjaan "over-head charges".
- (c) Jenis-jenis makanan yang diberikan kepada pesakit adalah mengandungi semua bahan-bahan zat makanan yang

diperlukan seperti makanan yang berkanji, protein, lemak dan lain-lain, iaitu nasi, roti, daging, ikan, sayur-sayuran dan lain-lain. Selain daripada itu sukatan kalorinya juga adalah mencukupi.

- (d) Jumlah hasil kutipan bayaran wad dalam tahun 1975 ialah \$8,832,684.61.

Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus: Soalan tambahan. Bagaimanakah caranya pihak Kementerian menentukan supaya sukatan yang diberi kepada pesakit-pesakit ini dapat benar-benar dimakan ataupun dirasa oleh pesakit-pesakit di wad kerana setahu saya, pemberian makanan adalah dikendalikan oleh pihak kontraktor. Selalunya kontraktor mengurangkan sedikit-sebanyak sekiranya tidak diawasi oleh pihak pegawai yang tertentu di hospital-hospital.

Tan Sri Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, makanan bagi hospital pada tahun ini telahpun dapat dikawal dengan lebih ketat daripada masa yang lalu. Begitu juga kita tahu ada kontraktor-kontraktor (food suppliers) itu tidak mengikut syarat-syarat yang ditentukan ataupun dipersetujui di antara Kerajaan dengan food suppliers. Kementerian ini adalah mengambil perhatian dan pandangan berat tentang kontraktor-kontraktor yang tidak mengikut agreement yang disetujui di antara dua pihak.

Begitu juga pegawai saya yang berkhidmat di tiap-tiap hospital pada hari ini telah mengadakan satu sistem yang baru untuk memeriksa food supply tiap-tiap pagi. Pada masa yang lalu diugaskan satu pasukan yang ditetapkan. Akan tetapi pada hari ini tiap-tiap hari pasukan ini bertukar. Jika ada bekalan-bekalan itu didapati tidak sesuai maka bahan-bahan makanan itu akan ditolak.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Jadi, pesakit-pesakit tidak makanlah pada hari itu (Ketawa).

Tan Sri Lee Siok Yew: Mereka dapat makan, tetapi makanan itu ditukar atau diganti balik. Misalnya daging. Jika daging tidak sesuai atau agak lama kita boleh tolak daging itu dan pihak hospital itu bolehlah beli terus daging itu daripada market. Kontraktor kena bayar berapa harga yang telah dibayar oleh hospital kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya boleh beri jaminan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat ini, makanan pada tahun ini khasnya Kelas Tiga telah bertambah baik. Pada masa yang lalu, makanan Kelas-kelas Tiga seperti daging lembu, satu hari cuma diberi dua tahlil. Tetapi mulai 1hb Januari, 1976 ini telah bertambah dua kali ganda iaitu empat tahlil.

Daging ayam biasanya tiga tahlil sekarang ditambah menjadi enam tahlil. Ini bermakna perbelanjaannya ini pun telah bertambah lebih daripada \$3 juta untuk kebaikan pesakit-pesakit di hospital kita.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau kena sakit "gout" macam mana? (Ketawa).

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kalau sakit gout, doktor-doktor barangkali menasihatkan tidak boleh memakan daging yang berkenaan.

### **TABUNG KEBAJIKAN PEKERJA-PEKERJA LOMBONG**

**15. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) langkah-langkah positif yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kejadian keruntuhan tanah di lombong-lombong bijih timah di seluruh negara, dan
- (b) samada Kerajaan telah memberi sebarang pertimbangan untuk menubuhkan Tabung Kebajikan Pekerja-pekerja Lombong untuk tujuan memberi gantirugi kepada keluarga pekerja-pekerja yang telah terbunuh di dalam kejadian tanah runtuh.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Soalan ini telah saya jawab apabila menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Batu Gajah kelmarin iaitu 13hb April, 1976.
- (b) Sekim Gantirugi Pekerja-pekerja (Workmen's Compensation Scheme) adalah meliputi pekerja-pekerja lombongan dan keluarga mereka adalah diberi gantirugi di bawah sekim tersebut jika sekiranya mereka terbunuh waktu bekerja. Selain dari itu, Kerajaan ada

rancangan untuk meluaskan lagi "converage" rancangan SOCSO yang akan meliputi pekerja-pekerja seluruh negara. Kedua-dua sekim ini adalah dianggap sudah memadai untuk tujuan memberi gantirugi kepada keluarga pekerja yang menjadi mangsa dalam kejadian tanah runtuh di negara ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 46 adalah diberi di bawah ini).

### **HARTA PESAKA**

**16. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar tentang kelewatan yang berlarut-larutan dalam memproses dan menyelesaikan harta pesaka keluarga dalam negara ini oleh kerana peraturan yang dipakai sebegitu ketat sekali sehingga menyebabkan terdapat kes yang memakan masa hampir 10 tahun dan masih belum diselesaikan lagi sedangkan pada masa yang sama cukai estet yang perlu dibayar semakin bertambah, dan jika ya, apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang hendak ambil dalam perkara ini.

**Menteri Undang-undang (Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof):** Kelewatan pada menyelesaikan sesuatu pesaka memang berlaku, tetapi ini bukanlah semata-mata disebabkan oleh peraturan-peraturan yang ada pada hari ini. Kebanyakan daripada kelewatan menyelesaikan sesuatu pesaka adalah oleh kerana pertelingkahan di antara waris-waris sesuatu pesaka itu sendiri. Mereka tidak dapat kata sepakat dan tidak memberi kerjasama yang sepatutnya kepada pemegang kuasa atau Pegawai Pentadbir Pesaka jika sesuatu pesaka itu ditadbirkan oleh Jabatan Pentadbir Pesaka dan Pemegang Amanah Raya, Malaysia. Selain daripada itu, sebelum sesuatu pesaka itu dapat diselesaikan Duti Harta Pesaka yang kadang-kadang disebut sebagai Cukai Mati atau Cukai Eset perlu dibayar terlebih dahulu. Inilah biasanya salah satu daripada sebab yang sesuatu pesaka itu tidak dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Waris-waris yang berhak menerima pesaka biasanya tidak ingin mengeluarkan wang untuk membayar Duti Harta Pesaka, jadi salah satu atau sebahagian daripada harta pesaka perlu dijual untuk membayar Duti Harta Pesaka itu. Proses menjual harta pesaka bukanlah suatu perkara yang senang untuk mendapat harga yang berpatutan. Penilaian keatas harta yang hendak dijual perlu diperolehi dan perintah Mahkamah hendaklah juga didapati jika harta yang hendak dijual itu tanah atau harta tak alih. Perkara mendapatkan perintah Mahkamah adalah perlu supaya tidak berlaku penipuan dan sebagainya.

Sesuatu pesaka juga tidak boleh diselesaikan sekiranya terdapat apa-apa kes mengenainya; ataupun jika pemegang kuasa perlu mendakwa sesuatu pihak untuk mendapatkan harta simati iaitu apabila si-bertutang enggan membayar hutang yang diperolehi daripada simati, misalnya. Adakala pula balu atau duda simati menuntut pencarian daripada sesuatu pesaka. Semua ini menjadi halangan kepada penyelesaian sesuatu pesaka. Selagi dakwa dakwi tersebut tidak berakhir selama itu sesuatu pesaka tidak dapat diselesaikan.

Duti Harta Pesaka dikira daripada tarikh kematian dan jika tidak diselesaikan dalam masa enam bulan selepas tarikh kematian maka faedah akan dikenakan. Banyak pesaka-pesaka yang tidak dituntut hingga berpuluh-puluh tahun selepas berlaku sesuatu kematian. Maka telah barang tentu faedah ke atas Duti Harta Pesaka itu dikenakan dan boleh jadi jumlahnya akan berlipat ganda. Tiada siapa pun yang boleh disalahkan dalam hal ini melainkan waris-waris yang berhak menerima pesaka itu sendiri kerana lambat atau lewat membuat tuntutan.

Jabatan Pemegang Amanah Raya dan Pentadbir Pesaka Malaysia pada masa ini sedang mentadbirkan sebanyak 2,316 kes pesaka di atas permintaan waris-waris yang berhak menerima pesaka atau dengan perintah Mahkamah. Orang ramai terutama rakyat jelata yang tidak mampu digalakan mendapat pertolongan atau perkhidmatan daripada Jabatan tersebut untuk mentadbirkan sesuatu pesaka dan menyelesaikannya.

## BIRO BANTUAN GUAMAN

17. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rah minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar bahawa Biro Bantuan Guaman kurang mendapat sambutan daripada rakyat luar bandar kerana mereka berpendapat kakitangannya mementingkan kedudukan professional dan tidak dapat menarik hati kecil rakyat luar bandar, malahan mereka merasa takut dan sukar untuk membuat aduan kepada Biro ini.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof: Kementerian Undang-undang memang sedar bahawa masih banyak lagi golongan miskin di kawasan luar bandar yang belum faham serta berkesempatan mengambil faedah daripada Perkhidmatan Bantuan Guaman yang dilancarkan peringkat demi peringkat di negara kita semenjak tahun 1970. Penyaluran bantuan guaman kepada rakyat-rakyat di luar bandar yang majoritinya terdiri daripada golongan yang benar-benar berhak mendapat perwakilan dan perlindungan di sisi undang-undang adalah menjadi hasrat utama kepada Perkhidmatan ini dalam cita-citanya hendak mendokong konsep Persamaan Di sisi Undang-undang yang dijamin oleh Perlembagaan.

Akan tetapi, jika ada mana-mana pihak yang mendakwa bahawa Biro Bantuan Guaman kurang mendapat sambutan daripada rakyat luar bandar kerana mereka berpendapat kakitangannya mementingkan kedudukan professional dan tidak dapat menarik hati kecil rakyat luar bandar, malahan mereka merasa takut dan sukar untuk membuat aduan kepada Biro ini, saya adalah menyangkal di atas pendapat tersebut.

Sepanjang yang saya ketahui sambutan daripada semua lapisan rakyat, maupun di sekitar atau di luar bandar di dalam tiap-tiap negeri di mana Biro ini telah bertapak, adalah sangat menggalak dan memberansangkan. Keadaan ini dapat dibuktikan daripada kian bertambahnya dari tahun ke setahun bilangan orang ramai yang datang mengunjungi serta menghubungi tiap-tiap cawangan Biro Bantuan Guaman untuk mengambil peluang daripada perkhidmatan percuma atau hampir-hampir percuma yang disediakan oleh Kerajaan itu. Berikutnya

ialah bilangan-bilangan kes yang dikendalikan di tiap-tiap cawangan Biro Bantuan Guaman sebagai penyokong kepada sangkalan saya di atas:

| Tabun | Cawangan yang ditubuh    |        |              |     | Bilangan kes<br>dikendalikan |
|-------|--------------------------|--------|--------------|-----|------------------------------|
| 1970  | Selangor                 | (mulai | September    |     |                              |
|       | 1970                     | ...    | ...          | ... | 150                          |
| 1971  | Selangor                 | ...    | ...          | ... | 396                          |
| 1972  | (i) Selangor             | ...    | ...          | ... | 562                          |
|       | (ii) Kedah/Perlis        | (mulai |              |     |                              |
|       | Julai 1972               | ...    | ...          | ... | 226                          |
|       |                          | Jumlah | ...          | ... | 788                          |
| 1973  | (i) Selangor             | ...    | ...          | ... | 619                          |
|       | (ii) Kedah/Perlis        | ...    | ...          | ... | 415                          |
|       | (iii) Kelantan/Trengganu | (mulai |              |     |                              |
|       | 1-1-73)                  | ...    | ...          | ... | 451                          |
|       |                          | Jumlah | ...          | ... | 1,485                        |
| 1974  | (i) Selangor             | ...    | ...          | ... | 745                          |
|       | (ii) Kedah/Perlis        | ...    | ...          | ... | 378                          |
|       | (iii) Kelantan/Trengganu | ...    | ...          | ... | 535                          |
|       | (iv) Johor               | (mulai | Februari     |     |                              |
|       | 1974)                    | ...    | ...          | ... | 204                          |
|       |                          | Jumlah | ...          | ... | 1,862                        |
| 1975  | (i) Wilayah              | ...    | ...          | ... | 253                          |
|       | (ii) Selangor            | ...    | ...          | ... | 617                          |
|       | (iii) Kedah              | ...    | ...          | ... | 271                          |
|       | (iv) Perlis              | ...    | ...          | ... | 85                           |
|       | (v) Kelantan             | ...    | ...          | ... | 365                          |
|       | (vi) Trengganu           | ...    | ...          | ... | 566                          |
|       | (vii) Johor              | ...    | ...          | ... | 392                          |
|       | (viii) Melaka            | (mulai | Julai 1975)  |     | 130                          |
|       | (ix) Negri Sembilan      | (mulai | Julai, 1975) | ... | 54                           |
|       | (x) Pahang               | (mulai | Julai, 1975) | ... | 85                           |
|       |                          | Jumlah | ...          | ... | 2,818                        |

JUMLAH BESAR 1970 hingga 1975=7,499

Wujudnya Perkhidmatan Bantuan Guaman di negara kita ialah dengan matlamat asas untuk memberi perkhidmatan sosial dan perwakilan undang-undang kepada golongan yang tidak berkemampuan dan menjamin hak-hak mereka untuk mendapat keadilan yang setimpal di sisi undang-undang.

Perkhidmatan Bantuan Guaman mendapat kuasanya daripada Akta Bantuan Guaman 1971. Orang ramai tidak harus sama sekali menyimpan perasaan bimbang dan melayani

pendapat yang bukan-bukan terhadap perjalanan dan pentadbiran Perkhidmatan ini. Jauh sekali hendaknya mereka merasa takut dalam mana-mana aspek untuk mendampingi kakitangan Biro, kerana Biro ini adalah suatu Pejabat Kerajaan yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang dilantik oleh Kerajaan, diselenggara dan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan.

Kepada mereka yang merasa takut dan sukar untuk membuat aduan kepada Biro ini, ingin saya menyatakan iaitu Akta Bantuan Guaman ada membuat peruntukan-peruntukan tertentu untuk melindungi mereka daripada dakwaan Mahkamah dan sebagainya semasa mereka memberi maklumat dan membuat perhubungan dengan kakitangan Biro ini. Di antaranya mereka mempunyai keistimewaan-keistimewaan dan hak-hak (Rights and privileges) yang sama seperti yang terbit dari hubungan antara pelanggan dengan peguambela dan peguamcara yang bertindak mengikut pekerjaan professional dari hubungan-hubungan berikut:

- hubungan antara seseorang yang diberi bantuan guaman dengan Pengarah dan peguam (jika ada) yang dipertugaskan bertindak bagi pihaknya;
- hubungan antara seseorang pemohon bantuan guaman dengan Pengarah dan Peguam (jika ada) yang kepadanya permohonan itu dirujukkan;
- hubungan antara seseorang yang dibantu dengan Pengarah dan peguam (jika ada) yang dipertugaskan bertindak bagi pihaknya dalam apa-apa perbicaraan, dan
- hubungan antara seseorang yang meminta nasihat guaman dengan Pengarah dan peguam (jika ada) yang memberi nasihat itu.

Berkenaan dengan kesukaran membuat aduan sukacita dinyatakan langkah-langkah tegas sedang dirancang dari masa ke semasa untuk memberi segala kemudahan kepada rakyat-rakyat terutama yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil mendampingi serta menghubungi Biro. Baharu-baharu ini suatu kata sepakat dicapai oleh Kementerian Undang-undang dan Kementerian Kebajikan Am untuk menjalankan usaha dan penyertaan bersama dalam kerja-kerja bantuan guaman.

Dengan pengembelian tenaga antara dua Kementerian tersebut bererti kawasan operasi dan sekop perkhidmatan bantuan guaman akan lebih berkesan dan menyeluruh, khususnya akan menyelamatkan golongan yang tidak bernasib baik daripada membuat perjalanan yang jauh untuk sampai di cawangan-cawangan Biro yang letaknya di Ibukota masing-masing. Jika tidak boleh dibanggakan Perkhidmatan ini sampai ke tiap-tiap pintu rumah orang-orang miskin, sekurang-kurangnya boleh dianggap Perkhidmatan Bantuan Guaman, menerusi ejen-ejen yang dilantik iaitu—Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah telah berada di ambang daerah masing-masing mulai daripada pelancaran Rancangan Penyertaan Bersama pada 1hb Mac, 1976 yang lalu.

Pada akhirnya saya ingin menegaskan juga bahawa dengan pemenuhan jawatan-jawatan kosong oleh graduate-graduate Undang-undang baharu-baharu ini Perkhidmatan Bantuan Guaman akan melipatgandakan usaha-usaha dan kegiatannya untuk memberi sibaran yang berleluasa kepada rakyat-rakyat di luar bandar agar mereka benar-benar mengetahui tentang aktiviti-aktiviti dan fungsi-fungsi Biro Bantuan Guaman.

### PEJABAT POS DI PEKAN LABU

18. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar tidak ada sebuah pejabat pos pun di Pekan Labu, Negeri Sembilan, sungguhpun dalam tahun 1967 Kerajaan telah bercadang membina sebuah pejabat pos di sana.

Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam): Sebuah pejabat pos akan dibina di Labu sebaik sahaja tapak yang sesuai diperolehi.

### PERTANIAN DI SARAWAK

19. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk memodenkan pertanian di Sarawak ke arah pembangunan yang cepat bagi industri-industri yang mengeluarkan, memperoses dan mengedarkan barang-barang yang berasaskan pertanian.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Mengikut keterangan-keterangan yang diterima dari Kementerian Pertanian dan Pembangunan Masyarakat Sarawak, di antara langkah-langkah yang telah diambil termasuklah:

- (a) Aktiviti-aktiviti perkembangan pertanian untuk mengajar dan menggalakan petani-petani menggunakan cara-cara moden;
- (b) Perbekalan benih-benih yang bermutu tinggi;
- (c) Kemudahan infrastruktur, iaitu perbekalan parit dan taliar dan sebagainya;
- (d) Penggunaan jentera-jentera pertanian seperti traktor, jentera penyikat (power tillers) pengulit jagong (maize shellers), pengulit kopi (coffee pulpers) dan pengulit biji (hullers).

Selain daripada itu, Lembaga Kemajuan Tanah, Sarawak, sedang membina sebuah kilang untuk memperoses kelapa sawit. Lembaga ini juga menguruskan dua buah kilang di Skrang dan Meradong dan tiga pusat di Tribong, Lambir dan Lubai untuk memperoses getah.

### PENGKALAN TENTERA ASING DALAM ASEAN

20. Tuan Embong bin Yahya minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah dengan sebab adanya di antara pemimpin negara ASEAN yang menyatakan keinginannya hendak mengekalkan Pengkalan Tentera Kuasa Besar di negaranya maka telah menimbulkan keraguan dan tuduhan Kerajaan Hanoi terhadap Negara Tenggara Asia (termasuk ASEAN) sebagai alat imperialist.

Menteri Luar Negeri (Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Hajj): Negara-negara ASEAN telah menjelaskan dalam Perisytiharan ASEAN di Bangkok dalam tahun 1967 tentang pendirian mereka bahawa pengkalan tentera asing adalah merupakan sesuatu yang sementara. Pendirian yang sama telah diterangkan dalam Perisytiharan Concord ASEAN yang ditandatangani di Bali pada bulan Februari, 1976. Cadangan ASEAN bagi menubuhkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara tidak meramalkan adanya pengkalan-pengkalan tentera asing dalam kawasan itu.

Oleh demikian, saya kurang faham tentang soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat. Hanoi barangkali mempunyai sebab-sebab tersendiri semasa membuat tuduhan itu tetapi saya tidak fikir kesemua ini boleh dikaitkan dengan soalan pengkalan tentera asing yang sedang dikeluarkan berperingkat-peringkat.

### **PERSIDANGAN KEMUNCIAK ASEAN DI BALI**

**21. Tuan Embong bin Yahya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan oleh sebab nampaknya terdapat salah faham negara-negara Indochina terutama Hanoi terhadap Negara Tenggara Asia khususnya ASEAN berikutan dengan Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali baru-baru ini, adakah ASEAN ber-cadang menghantar satu rombongan ke negara Indochina khasnya Hanoi bagi memberi penjelasan mengenai maksud perpaduan ASEAN yang sebenar agar tidak menimbulkan sebarang Konfrantasi yang merugikan negara-negara Asia sendiri.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Saya anggap soalan Ahli Yang Berhormat merujuk kepada lapuran yang mengatakan Hanoi telah menuduh ASEAN sebagai alat Amerika Syarikat. Dari lapuran itu, saya bersetuju dengan Ahli yang Berhormat bahawa nampaknya Hanoi tersalah faham mengenai matlamat sebenar ASEAN serta hubungannya dengan kuasa-kuasa besar. Keputusan Sidang Kemuncak ASEAN sepatutnya dapat menerangkan perkara ini. Sidang Kemuncak ASEAN, saya percaya telah menyatakan dengan terang ASEAN ialah sebuah organisasi asli dan bebas yang terlepas dari campurtangan kuasa-kuasa besar. Dalam hubungan ini, negara-negara ASEAN di Persidangan Kemuncak sekali lagi telah menyatakan dasar mereka bagi mengujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali yang pada dasarnya dapat menjaubkan rantau ini dari dikuasai oleh mana-mana kuasa-kuasa besar.

### **DASAR EKONOMI BARU— PENERANGAN**

**22. Raja Nasron bin Raja Ishak** minta Menteri Luar Negeri menerangkan samada beliau sedar bahawa ada siaran-siaran di dalam majallah/akhbar, berpunca dari

Pemberita Asing, yang boleh menimbulkan huru-hara di dalam Negeri, umpamanya tuduhan bahawa Dasar Ekonomi Kerajaan memberi keutamaan kepada Bumiputra menyebabkan pemuda-pemuda kaum lain menyertai pergerakan bawah tanah atau menyertai komunis; jika sedar mengapa Kementerian dan Kedutaan-kedutaan Malaysia tidak menerangkan kepada dunia tujuan sebenarnya Malaysia membentuk Dasar Ekonomi Baru.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa akhbar-akhbar asing adalah bebas melaporkan apa sahaja yang mereka ingin mengenai Malaysia. Apakah akhbar-akhbar dan majallah-majallah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu diimpot dan disebar dengan luas di Malaysia adalah persoalan lain yang diselenggarakan oleh pihak berkuasa tertentu.

Saya sedar ada beberapa lapuran dalam akhbar-akhbar asing yang memutar-mutarkan tujuan dan memberi kesimpulan yang salah mengenai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan. Di mana ini berlaku perwakilan-perwakilan Malaysia telah mencuba membetulkannya. Sebaliknya beberapa akhbar asing yang terkemuka telah memberi gambaran yang lebih seimbang dan telah menunjukkan pengertian terhadap usaha-usaha Kerajaan.

Risalah-risalah Kerajaan serta bahan-bahan mengenai Rancangan Malaysia Yang Kedua dan Mid-Term Review yang menerangkan tujuan-tujuan serta kemajuan Dasar Ekonomi Baru itu telah disebar dengan luas di seberang laut. Kementerian Luar Negeri dan perwakilan-perwakilan kita bersedia memberi bantuan kepada wartawan-wartawan asing yang ingin meninjau Malaysia dari jarak yang lebih dekat.

### **PELAJAR MALAYSIA— KEMPEN ANTI-KERAJAAN**

**23. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada Kementerian beliau sedar akan peranan yang dimainkan oleh penuntut-penuntut kita di seberang laut bagi menjatuhkan imej Malaysia, jika ya, nyatakan samada Kementerian beliau akan mengadakan suatu kursus bagi bakal Atase kita sebelum dihantar keluar negeri untuk berkhidmat.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Seperti yang telah saya nyatakan di Dewan ini beberapa kali di masa yang lepas, jumlah yang terlibat dalam kempen anti-Kerajaan Malaysia adalah kecil dan terhad kepada segelintir yang lebih radikal di antara pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut. Segala usaha sedang dibuat untuk memberi pelajar-pelajar kita di seberang laut penerangan mengenai perkembangan di Malaysia dan kakitangan-kakitangan termasuk attache-attache di perwakilan kita diarah memberi segala bantuan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar itu.

### HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

**24. Datu Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada beliau sedar bahawa sungguhpun pihak Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk mencegah kenaikan harga namun harga barang-barang keperluan tetap melambung tinggi dan jika sedar, apakah langkah-langkah lain yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan untuk mencegah kenaikan tersebut.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat bahawa harga barang-barang keperluan melambung tinggi lagi adalah tidak benar. Mengikut laporan Bank Negara Malaysia Disember 1975, kadar perkembangan harga-harga dalam negeri, bagi sembilan bulan pertama 1975 adalah hanya 5.7 peratus berbanding dengan kenaikan harga sebanyak 18.8 peratus dalam tempoh yang sama tahun 1974. Sebagaimana yang ternyata dari Laporan ini angkatanjuga harga pengguna bagi Semenanjung Malaysia menunjukkan kearah harga-harga yang lebih stabil.

Ahli Yang Berhormat bolehlah merasa terjamin bahawa Kerajaan sentiasa mengawasi dan mencuba sedaya upaya untuk menstabilkan harga barang-barang keperluan. Bagi mencapai maksud tersebut Kerajaan akan meneruskan lagi langkah-langkah positif seperti mengawal eksport dengan tujuan memberi keutamaan terhadap keperluan dalam negeri, mengecualikan barang-barang keperluan dari duti-duti import dan

eksais dan langkah-langkah lain yang sering dijelaskan di dalam Dewan ini. Sebagai langkah jangka panjang, Kerajaan juga sedang bergiat menggalakkan pengeluaran berbagai jenis barang-barang keperluan untuk memperbaiki keadaan bekalan tempatan bagi mengurangkan tekanan kenaikan harga.

### BALAI POLIS PADANG SERAI

**25. Tuan Lim Kiam Hoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada Balai Polis Padang Serai akan digantikan dengan bangunan baru, dan dinaikkan tarafnya ke taraf Daerah Kecil Polis Padang Serai, memandangkan bahawa ianya adalah sebuah kawasan yang luas dalam kawalan Balai Polis Padang Serai; dan
- (b) Jika ya, bilakah projek ini akan dilaksanakan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Memang ada rancangan untuk menggantikan Balai Polis Padang Serai dengan bangunan baru. Rancangan ini telahpun dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga di mana sebuah balai baru, sebuah rumah Kelas "F" untuk Ketua Balai Polis dan 10 buah rumah Kelas "G" akan dibina.

Setakat ini tidak ada rancangan untuk menaikkan taraf Balai Polis Padang Serai ke Daerah Kecil Padang Serai, oleh kerana setelah dikaji dari segi keselamatan, sosial dan politik tempatan, adalah didapati belum lagi perlu untuk menaikkan tarafnya.

### GURU MENGIKUT BILANGAN MURID

**26. Tuan Abit anak Angkin** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menimbang dengan sesungguhnya mengemukakan bilangan guru yang cukup sesuai dengan bilangan darjah di sekolah-sekolah Rendah Luar Bandar di Sarawak oleh kerana di setengah sekolah-sekolah ada tiga orang guru sahaja untuk menguruskan 6 buah Darjah dari Darjah I hingga VI yang mana ini adalah suatu keadaan yang tidak memuaskan. Sekiranya berkurangan sangat bilangan guru-guru nyatakan samada beliau akan menimbang menutup sebahagian darjah dalam sesebuah sekolah dan sekolah itu diuruskan dengan kelas-kelas be selang-selang tahun.

**Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Di Sarawak, bilangan guru yang ditempatkan ke tiap-tiap sekolah adalah mengikut bilangan murid-murid dan bilangan kelas-kelas di dalam sekolah yang berkenaan. Pejabat Pelajaran Sarawak akan menempatkan bilangan guru yang mencukupi mengikut quota yang sekolah itu layak menerimanya.

Di sekolah-sekolah luar bandar di mana bilangan murid dalam tiap-tiap kelas adalah kecil, pengajaran kelas berlipat ganda (multiple class teaching) tidak dapat dilakukan kerana perbelanjaan terlalu banyak jika seorang guru di tiap-tiap jenis sekolah ini ditempatkan untuk mengajar di dalam kelas yang mempunyai bilangan murid-murid yang kecil.

Amalan kelas-kelas berselang-selang tahun sedang diuruskan di beberapa kawasan terpencil di Sarawak kerana kekurangan bilangan murid-murid di kawasan-kawasan itu dan *bukan* kerana kekurangan bilangan guru sekolah rendah.

### BAYARAN PERMIT MASUK KE MALAYSIA

27. Tuan Mohd. Bakri Abdul Rais minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau bercadang menaikkan bayaran permit masuk yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen kepada orang-orang asing yang ingin bermastautin di Malaysia dari \$50 sekarang kepada \$100 sebagai satu sumber pendapatan negara.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Perkara menaikkan bayaran Permit Masuk tersebut adalah di dalam perhatian Kerajaan pada masa ini.

### ORANG MENDATANG MASUK SECARA HARAM

28. Tuan Sihat Miyut anak Tagong minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang mendatang yang memasuki secara haram yang sekarang ini tinggal di Long Busang, Kapit; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menghantar mereka pulang ke negara asal mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

(a) 1,328.

(b) Mereka ini adalah "native" dari suku Kayan dan Kenyah. Kebanyakan mereka yang berada di Sarawak sekarang ini mempunyai hubungan keluarga. Oleh itu Kerajaan sedang menimbangkan kes mereka atas "merits" masing-masing.

### RUMAH HARGA MURAH DI SABAH

29. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asneh minta Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan menyatakan bilakah pinjaman wang kepada Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah dapat dikeluarkan untuk mempercepat pembinaan rumah harga murah bagi rakyat di Sabah.

**Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Michael Chen Wing Sum):** Bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu saya suka memaklumkan iaitu pinjaman wang kepada Suruhanjaya Perumahan Negeri Sabah akan dikeluarkan sebaik sahaja Rancangan Malaysia Ketiga diluluskan oleh Parlimen dan kertas-kertas projek berkenaan diterima dan diproses oleh Kementerian saya.

### BOT KEPADA NELAYAN

30. Raja Nasron bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan bilangan bot-bot dan jenisnya, yang telah diberi kepada nelayan, sehingga hari ini, di tiap-tiap negeri.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Jabatan Perikanan dan MAJUIKAN tidak memberi bot-bot kepada nelayan. Tetapi Kementerian Pertanian ada mempunyai Rancangan Bantuan Subsidi Perikanan yang diselenggarakan oleh Jabatan Perikanan di mana nelayan-nelayan diberi bantuan alat-alat penangkapan ikan seperti pukuk-pukuk dan kawat untuk membuat bubu, enjin sangkut dan enjin dalam. Begitu juga MAJUIKAN yang mempunyai projek-projek di mana nelayan-nelayan menyertai projek-projek penangkapan ikan MAJUIKAN seperti projek-projek pukuk tunda, pukuk jerut, dan pukuk bot serbaguna. Di bawah projek-projek ini bot-bot dan alat-alat penangkapan ikan adalah disediakan

oleh MAJUIKAN dan nelayan-nelayan hanyalah menggunakan bot-bot dan alat-alat penangkapan ini untuk menangkap ikan dan segala pendapatan dari hasil tangkapan itu dibahagi bersama antara nelayan dan MAJUIKAN.

### **GANTIRUGI DARI KAPAL SHOWA MARU**

**31. Tuan Shammari bin Md. Saleh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat manakah kemajuan yang telah dicapai dalam perundingan untuk mendapat gantirugi dari pihak berkuasa kapal minyak Jepun Showa Maru yang terlibat dalam satu perlanggaran di Selat Melaka tidak lama dahulu.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum tuntutan gantirugi berikutan daripada kemalangan kapal Showa Maru adalah berupa suatu tuntutan "multi-national" yang melibatkan tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Oleh itu penyelesaiannya tentulah memakan masa kerana banyak masaalah detil dan kompleks yang terlibat dan patut diteliti.

Sebuah syarikat peguambela dan peguamcara, Drew and Napier telah dilantik oleh tuannya kapal Taheiyo Kaiun Co. Ltd. untuk mewakili mereka di dalam rundingan-rundingan dengan pihak kami. Beberapa perbincangan telah diadakan yang paling akhirnya pada 24hb November, 1975, dalamana butir-butir lanjut di atas tuntutan kita telah dibincangkan. Perkara ini sekarang sedang dikaji oleh syarikat tersebut sebelum sesuatu keputusan lanjut dapat dibuat.

### **SENJATA-SENJATA ANGKATAN TENTERA**

**32. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kementerian beliau akan memodenkan senjata-senjata yang digunakan oleh pasukan-pasukan keselamatan kita, memandangkan bahawa senjata-senjata yang moden telah digunakan oleh pengganas-pengganas Kominis.

**Menteri Pertahanan (Datuk Hussein bin Onn):** Adalah menjadi dasar Kerajaan untuk melengkapkan Angkatan Tentera kita dengan senjata-senjata moden setimpal dengan

kemampuan negara; Senjata-senjata yang dimiliki oleh Angkatan Tentera pada masa sekarang adalah cukup moden dan benar-benar sesuai bagi kegunaan kita.

### **BUMIPUTRA—30% PENYERTAAN DALAM PERNIAGAAN**

**33. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abd. Majid** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada perimbangan 30% penyertaan kaum bumiputra dalam perniagaan setakat ini telah tercapai seperti yang dimaktubkan dalam Rancangan Ekonomi Baru Kerajaan.

**Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah:** Oleh kerana masa yang ditetapkan bagi penyertaan bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian ialah sehingga tahun 1990, memanglah buat masa ini kita tidak boleh mencapai perimbangan 30% di dalam semua bidang. Tetapi di dalam bidang-bidang tertentu penyertaan Bumiputra telahpun mencapai kadar 30% dan malahan ada juga di bidang-bidang yang lain yang pencapaiannya melebihi daripada kadar itu.

Ahli Yang Berhormat sendiri sedia maklum, perniagaan adalah merupakan suatu bidang yang luas dan baru bagi Bumiputra dan oleh yang demikian matlamat kadar penyertaannya bagi semua peringkat/bidang pasti akan mengambil masa.

### **BUKU TEKS—PINJAMAN**

**34. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor** minta Menteri Pelajaran menyatakan setakat mana telah berlaku penyelewengan dalam pelaksanaan rancangan pinjaman buku teks Kerajaan dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki keadaan ini.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Jawapan yang tepat dapat diberi sekiranya Ahli Dewan Rakyat berkenaan dapat menentukan apakah jenis penyelewengan yang dimaksudkan.

Sekiranya yang dimaksudkan ialah buku-buku teks Sekim Pinjaman Kerajaan dijual di kedai-kedai buku, maka penjelasan saya kepada persoalan Ahli Dewan Rakyat Dr Hee Tien Lai pada 12-4-1976 adalah berkaitan.

Adalah dimaklumkan bahawa sehingga hari ini kes penjualan buku teks Sekim Pinjaman di Melaka itu sahajalah yang telah dilaporkan kepada Kementerian Pelajaran dan penyiasatan lengkap telah dijalankan.

## PENDAFTARAN PEMBANTU-PEMBANTU HOSPITAL

**35. Tuan Abu Bakar bin Arsbad** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau akan mengemukakan undang-undang untuk mendaftar semua pembantu-pembantu hospital sebagaimana yang telah dibuat kepada bidan, jururawat dan doktor, jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Pada masa ini, rundingan-rundingan di peringkat awal berkenaan dengan pendaftaran pembantu-pembantu hospital sedang diadakan di antara Kesatuan Pembantu-pembantu Hospital dan Pegawai-pegawai Kementerian saya. Sebenarnya, rang undang-undang bagi pendaftaran Pembantu-pembantu Hospital sedang disemak oleh Jabatan Peguam Negara.

## MAS—PERKHIDMATAN DI SABAH

**36. Tuan Haji Mohd. Taufek bin O.K.K. Haji Asmeli** minta Menteri Perhubungan menyatakan adakah perkhidmatan MAS di dalam Negeri Sabah mencukupi bagi penumpang-penumpang tempatan; jika ia kenapa penumpang-penumpang terpaksa menempah berminggu-minggu dahulu bagi mendapatkan tempat duduk; dan jika tidak mencukupi, bolehkah pihak Kementerian menambahkan perkhidmatan yang berkenaan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Perkhidmatan MAS dalam Negeri Sabah adalah mencukupi bagi penumpang-penumpang tempatan. Tetapi, pada waktu-waktu yang tertentu terutama dalam masa cuti sekolah dan cuti pada hari-hari perayaan umum adalah didapati bahawa lebih banyak tempat-tempat duduk dikhendaki dan pada waktu-waktu itu MAS akan menambahkan lagi perkhidmatan-perkhidmatannya. Mulai 1-4-1976 MAS telah merancang untuk menambah perkhidmatan F27 di dalam Negeri Sabah umpamanya perkhidmatan-perkhidmatan ke Sandakan, Lahad Datu dan Labuan.

## BRUNEI/PORTUGIS TIMUR/AUSTRALIA—SIKAP MALAYSIA

**37. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) sikap Malaysia terhadap Brunei dan Partai Rakyat Brunei;

(b) sikap Malaysia mengenai Portugis Timur memandangkan serangan Indonesia dan Fretilin; dan

(c) perhubungan Malaysia dengan Australia memandangkan kenyataan Perdana Menteri Australia bahawa Australia akan sekarang menarik-balik sokongannya terhadap satu kawasan aman dan bebas di Tenggara Asia.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddcen Al-Haj:**

(a) Malaysia menganggap Brunei adalah sebuah negeri yang belum lagi merdeka. Malaysia mengakui bahawa Parti Rakyat Brunei ialah sebuah partai politik yang mewakili rakyat Brunei dalam perjuangan mereka mencapai kemerdekaan.

(b) Saya suka menyatakan bahawa memasukkan sukarelawan Indonesia ke Timor Timur adalah di atas undangan pihak yang mendapat sokongan terbanyak di wilayah itu, untuk memulih semula keamanan dan ketenteraman. Oleh demikian, pada fikiran kita tuduhan pencerobohan oleh Indonesia ke atas Timor Timur tidaklah timbul.

Sikap Malaysia terhadap Timor Timur maseh sama iaitu penduduk-penduduknya mestilah diberi hak untuk menentukan dengan sendiri nasib diri dan masa hadapan mereka.

Fretilin tidak merupakan satu pertubuhan yang mewakili mana-mana pihak di pulau itu. Ia tidak mempunyai apa-apa bentuk pentadbiran dan tidak merupakan faktor yang penting dalam proses penentuan nasib diri oleh penduduk-penduduk pulau itu.

(c) Setakat mana yang diketahui, Perdana Menteri Australia tidak membuat kenyataan seumpama itu. Pada hakikatnya Kerajaan Australia menganggap kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali sebagai sumbangan positif terhadap perbincangan mengenai political "option" bagi kawasan ini dan satu tujuan dan cita-cita yang menarik untuk diutarakan. Ia menyokong matlamat-matlamat Kawasan Berkecuali itu.

### PUSAT PERUBATAN PANTAI (PANTAI MEDICAL CENTRE)

38. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan ataupun wakilnya (proxy) mempunyai kepentingan peribadi di dalam Pusat Perubatan Pantai (Pantai Medical Centre), jika ya, bukankah satu pertentangan kepentingan akan timbul.

Tan Sri Lee Siok Yew: Setakat yang saya pasti, Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan ataupun wakilnya (proxy) sekarang tidak ada mempunyai kepentingan peribadi di dalam Pusat Perubatan Pantai (Pantai Medical Centre).

Dalam bulan Ogos 1968, sekumpulan pakar-pakar perubatan bangsa Melayu di Hospital Besar, Kuala Lumpur, termasuklah Ketua Pengarah Kesihatan yang pada masa itu adalah Pakar Perunding Kanan Otopidik di hospital yang sama, telah menubuhkan sebuah syarikat bernama Syarikat Paka-Ubat Raya (Sdn) Berhad dengan tujuan untuk menjalankan amalan persendirian. Sebidang tanah telah diberikan oleh Kerajaan Negeri di Bukit Pantai untuk membina sebuah hospital. Di antara tahun-tahun 1968 dan 1972, Syarikat Paka-Ubat telah mengeluarkan sejumlah 4,000 saham seperti berikut kepada tiap-tiap pemegang sahamnya, dan bersabit dengan Ketua Pengarah Kesihatan, saham-saham tersebut telah dikeluarkan di atas nama isterinya dan saham-saham tersebut telah dibayar secara beransur-ansur:

|                  |     |             |
|------------------|-----|-------------|
| 16 Oktober 1968  | ... | 1,000 saham |
| 19 Jun 1971      | ... | 1,000 saham |
| 12 Disember 1972 | ... | 2,000 saham |

Sementara pelan bagi pembinaan hospital itu disiapkan, satu lagi kumpulan pakar-pakar telah menubuhkan sebuah syarikat bernama Medical Specialist Centre Sendirian Berhad yang mana telah membuat keputusan untuk bercantum dengan Syarikat Paka-Ubat dan mendirikan sebuah hospital bersama. Sebuah syarikat tanggungan bernama Hospital Pantai Sendirian Berhad telah ditubuhkan hasil dari ini dan syarikat ini telah didaftarkan dalam bulan Mac 1972. Hospital tersebut telah siap dan menjalankan tugasnya dalam bulan Februari 1974.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Kesihatan sekarang telah ditawarkan jawatan Pengarah Perancang & Penyelidikan dalam bulan September 1969 dengan kemungkinan bagi beliau mengambil alih jawatan Ketua Pengarah Kesihatan apabila penyandang-nya bersara. Beliau telah memegang jawatan Ketua Pengarah Kesihatan dalam bulan Oktober 1971. Di atas perlintikannya itu, Ketua Pengarah Kesihatan telah membuat keputusan tidak meninggalkan perkhidmatan Kerajaan untuk menjalankan amalan persendirian dan juga telah menjual ke semua 4,000 saham kepunyaan isterinya kepada salah seorang pemegang saham Syarikat Paka-Ubat itu pada 8 Disember 1971 (2,000 saham) dan pada 26 Jun 1973 (baki 2,000). Ini dapat dipastikan dari daftar syarikat. Sejak dari itu Ketua Pengarah Kesihatan atau wakilnya tidak mempunyai sebarang kepentingan peribadi di dalam syarikat tersebut atau Pusat Perubatan Pantai.

### PERSIDANGAN KEMUNCIAK ASEAN DI BALI

39. Tuan Edmund Langga anak Saga minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah faedah bentuk politik diperolehi oleh Malaysia daripada sidang kemuncak di Bali yang lalu.

Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Jawapan kepada soalan Ahli Yang Berhormat telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapan beliau kepada soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu pada 31hb Mac, 1976.

### TUN DATU MUSTAPHA— SIASATAN RASUAH

40. Tuan Oh Keng Seng minta Menteri Undang-undang menyatakan samada beliau sedar terhadap sepucuk surat yang ditandatangani bersama oleh Ng Peng Khun, Abdul Rahman Ashraff dan Tunku Sharif Hamid bertarikh 28-10-75 yang dialamatkan kepada Ketua Pengarah, Biro Siasatan Negara yang mendakwa Tun Datu Mustapha bin Datu Harun, bekas Ketua Menteri Sabah dan Menteri-menterinya terlibat dalam perkara rasuah dan perkara-perkara amalan salah dan mereka ini meminta supaya pihak B.S.N. menjalankan penyiasatan dengan

serta-merta dalam perkara tersebut, dan nyatakan samada pihak B.S.N. telah menjalankan penyiasatan dalam perkara ini.

**Tan Sri Datuk Haji Abdul Kadir bin Yusof:** Soal berkenaan dengan tuduhan ke atas Tun Datu Mustapha telah dikemukakan di Dewan ini pada 29-10-75 dan 19-11-75 dan telahpun dijawab oleh Allahyarham Perdana Menteri yang lalu. Yang demikian tidak payah saya menjawab lagi.

### GURU-GURU KONTREK

**41. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan menamatkan pengambilan guru-guru kontrek, memandangkan perbelanjaan yang banyak ke atas mereka, dan apakah tindakan yang akan diambil kepada guru-guru kontrek yang sedang berkhidmat yang tidak memainkan peranan yang memuaskan.

**Dr Mahathir bin Mohamad:** Pada masa ini saya belum lagi bercadang hendak menamatkan pengambilan guru-guru kontrek. Ini memandangkan bahawa Kementerian Pelajaran masih mengalami kekurangan tenaga pengajar dalam matapelajaran Sains, Hisab dan Bahasa Inggeris, dan pengambilan mereka itu dari Indonesia dan United Kingdom dari masa ke semasa adalah dengan tujuan untuk mengajar matapelajaran-matapelajaran tersebut. Sekiranya ada di antara mereka yang didapati tidak memberi perkhidmatan yang memuaskan, maka tindakan yang sesuai akan diambil terhadap mereka itu.

### PERSIDANGAN KEMUNCIAK ASEAN DI BALI

**42. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan telah dicapai dalam Persidangan Kemuncak ASEAN di Bali baru-baru ini dan nyatakan apakah hasil dari Persidangan tersebut.

**Tengku Datuk Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Jawapan kepada soalan dari Ahli Yang Berhormat telah diberi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam jawapan beliau kepada soalan yang sama yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu pada 31hb Mac, 1976.

### ORANG-ORANG DIBUANG NEGERI—KEBENARAN MASUK

**43. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) Kerajaan akan membenarkan orang-orang yang dibuang ke negeri China melawat negara kita memandangkan kepada hakikat iaitu Malaysia dan Republik Rakyat China telahpun menubuhkan perhubungan diplomatik; dan
- (b) sekiranya mereka datang ke mari sebagai salah seorang ahli delegasi negeri China samada mereka akan dibenarkan melawat negara kita.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Kes orang-orang yang dibuang ke negeri China tidak ada sangkut pautnya dengan perhubungan diplomatik antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan China;
- (b) Dari segi prinsipnya orang-orang yang telah dibuang negeri tidak akan dibenarkan melawat negeri ini walaupun dia menjadi anggota delegasi apa-apa Kerajaan pun.

### ADUAN SETIAUSAHA DAP JOHOR

**44. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) samada beliau telah menerima sepucuk surat aduan daripada Encik Ouek Swee Siang, Setiausaha D.A.P. Negeri Johor, berkenaan dengan kekerasan yang dilakukan oleh pihak Polis di Balai Polis Johor Bahru pada 11-2-1976 terhadap 8 orang pemuda yang nama mereka ialah (i) Lee Lian Hup, No. K.P. 5339378, (ii) Lee Seng Tiang, No. K.P. 8393540, (iii) Lee Seng Keong, No. K.P. 5003890, (iv) Lee Lean Woon, No. K.P. 8984097, (v) Ang Kim Seng, No. K.P. 7952964, (vi) Teh Kok Juan, No. K.P. 4976545, (vii) Chu Kim Kow, No. K.P. 7825380 dan (viii) Teh Ho Seng, No. K.P. 5875573 yang semuanya tinggal di rumah bernombor 66-A Jalan Terus, Johor Bahru; dan
- (b) mengapa pihak Polis enggan menerima report yang mereka hendak buat pada 13-2-1976 tetapi menerimanya hanya pada 14-2-1976.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:**

- (a) Ya, saya telah menerima surat tersebut, tetapi tidaklah benar yang pihak Polis melakukan kekerasan ke atas mereka-mereka yang telah ditangkap.
- (b) Kenyataan bahawa pihak Polis enggan menerima laporan yang mereka hendak buat pada 13hb Februari, 1976 adalah tidak benar. Laporan tersebut hanya diterima pada 14hb Februari, 1976 kerana kelewatan yang dilakukan oleh pihak pengadu sendiri.

### **PENCEN KEPADA PERSARA-PERSARA**

**45. Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kaki-tangan Kerajaan yang bersara terpaksa menunggu satu jangka waktu yang cukup lama sebelum mendapat pencen bulanan;
- (b) jika sedar, bolehkah Kerajaan mempercepatkan bayaran pencen ini.

**Perdana Menteri:**

- (a) Saya sedar masih ada kes-kes di mana pencen telah lambat dibayar tetapi berikutan dengan penyusunan semula (re-organisation) yang telah dijalankan pembayaran pencen pada amnya tidak mengambil masa yang begitu lama jika tiap-tiap pihak yang berkenaan patuh kepada peraturan-peraturan yang telah diadakan.
- (b) Kerajaan sentiasa mengawasi pembayaran pencen dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi peraturan jika didapati sebarang kelemahan.

### **PEGAWAI TADBIR MELAYU DISERAPKAN KE PERKHIDMATAN TADBIR DAN DIPLOMATIK**

**46. Datuk Haji Shafie bin Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai tadbir Melayu negeri-negeri yang telah diambil masuk atau diserap ke dalam perjawatan Tadbir Persekutuan (MCS) dalam tahun-tahun 1972, 1973, 1974, 1975; dan
- (b) samada Perdana Menteri berpuashati di atas kecekapan-kecekapan mereka dalam menjalankan tugas pentadbiran.

**Perdana Menteri:**

- (a) Saya berpendapat bahawa apa yang dimaksudkan dalam soalan ini ialah bilangan Pegawai-pegawai Melayu dalam Perkhidmatan Tadbir Negeri yang telah dilantik atau diserapkan ke dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik. Berbeza dengan Perkhidmatan Tadbir Melayu yang hanya mempunyai pegawai-pegawai Melayu sahaja, Perkhidmatan Tadbir Negeri adalah terbuka kepada semua calon yang layak dan sesuai dari berbagai bangsa rakyat Malaysia. Walau bagaimanapun, bilangan Pegawai-pegawai Melayu dalam Perkhidmatan Tadbir Negeri-negeri yang telah dilantik atau diserapkan ke Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik semenjak tahun 1972 ialah seramai 9 orang seperti berikut:

(i) Tahun 1972—3 orang

(ii) Tahun 1973—3 orang

(iii) Tahun 1974—3 orang

- (b) Kerajaan adalah berpuashati di atas kecekapan-kecekapan mereka dalam menjalankan tugas pentadbiran.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG BADAN-BADAN BERKANUN**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Majlis Amanah Rakyat, 1966, Akta Perbadanan Pembangunan Bandar, 1971 dan Akta Lembaga Padi dan Beras Negara, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Perusahaan Awam; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **USUL**

#### **LAPURAN JAWATANKUASA HAK DAN KEBEBASAN DEWAN RAKYAT (No. DR 2 Tahun 1976)**

3.35 ptg.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Abdullah bin Majid):** Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita mengesyorkan kepada Dewan yang mulia ini:

Bahawa Laporan Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. DR. 3 Tahun 1976, diterima.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun lapuran ini baharu sahaja diterima oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi mengingatkan bahawa lapuran ini adalah disediakan oleh Jawatan-kuasa yang ditugaskan dan yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri yang juga mengandungi ahli-ahli lain termasuk Ketua Pembangkang; maka saya percaya Dewan yang mulia ini; Ahli-ahli Yang Berhormat dari kedua-dua pihak tidak akan keberatan menerimanya menurut semangat yang dikemukakan oleh Jawatan-kuasa yang berkenaan.

Perkara yang melibatkan Ahli dari Menglembu sebagaimana sekalian tahu sudah begitu jauh berlarutan dan boleh dikatakan satu legal case yang amat menarik perhatian bahkan boleh dikatakan satu *cause celebre* dalam sejarah perundangan negara kita. Namun demikian, saya percaya perkara seperti ini bukanlah perkara yang unique yang mengenai Ahli Yang Berhormat dari Menglembu sahaja, bahkan sebagai manusia yang biasa mungkin perkara yang demikian akan timbul yang juga menyentuh Ahli-ahli dari sebelah pihak Kerajaan. Namun demikian kita sekalian ingat bahawa pada persidangan Dewan ini dalam bulan November, satu usul telahpun dikemukakan oleh Timbalan Menteri Penyelarasan pada waktu itu dan yang telah diterima oleh Dewan ini yang mana menegakkan kedudukan Dewan yang mulia ini sebagai kuasa pemutus ataupun kuasa yang muktamad di dalam menentukan kedudukan seseorang ahli yang telah dihadapkan ke mahkamah dan yang telah didapati salah oleh Mahkamah Tinggi, sebagaimana yang kita tahu mengenai Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

Tetapi kita juga tahu bahawa keputusan Dewan ini telah dicabar dan telah dikemukakan kepada mahkamah dan mengambil masa dan hanya baru sebulan dua yang lalu mahkamah telah mengembalikan kuasa itu kepada Dewan yang mulia ini untuk membuat ketetapan samada soal beliau (Ahli dari Menglembu) itu telah hilang kelayakan-nya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini.

Barangkali ada Ahli-ahli yang mungkin menimbulkan kenapa perkara yang begitu jauh berlarutan yang berlaku pada tahun 1969 masih lagi belum mendapat keputusan; tetapi baru 7 tahun kemudian pada tahun 1976. Kita sekalian tentu mengakui sebagai negara yang menjunjung tinggi kedaulatan undang-undang atau the rule of law patut

menerima hakikat ini bahawa sesuatu perkara yang dikemukakan pada mahkamah hendaklah diteruskan prosesnya hingga mencapai sesuatu keputusan walaupun kepada peringkat yang sehabis-habis tinggi iaitu sampai kepada ulang-bicara ataupun rayuan bicara kepada pihak Privy Council.

Dengan hakikat ini tidak siapa yang boleh menuduh bahawa Kerajaan bersikap dendam atau vindictive terhadap Ahli Yang Berhormat itu, bahkan semata-mata menjalankan segala usaha kita mencari keadilan kerana sebagaimana kita tahu keadilan bukan sahaja patut dijalankan dengan sebaiknya tetapi harus juga dilihat perlakuan keadilan ini berjalan dengan sebaik-baik dan dengan sempurna.

Dalam hakikat inilah maka perkara yang menyentuh Ahli Yang Berhormat dari Menglembu ini telah begitu jauh perjalanannya hingga pada masa ini. Bagaimanapun kita sukacita bahawa dengan keputusan yang telah diberikan oleh Mahkamah baharu-baharu ini, keputusan muktamad telah diserahkan semula kepada Dewan yang mulia ini untuk menentukan kedudukan Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu. Dan berikutan dengan itu Jawatankuasa yang berkenaan telahpun menimbangkan perkara ini dengan sedalam-dalamnya dengan mengambil perhatian kepada beberapa perkara yang mungkin timbul andaikata Dewan ini memutuskan kelayakan Ahli Yang Berhormat itu telah lucut kerana sebagai pihak yang mempunyai suara terbanyak memang pihak kita di sini berhak memutuskannya. Tetapi tentulah kita tidak ingin mengambil sesuatu keputusan yang sedemikian mengingatkan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Menglembu masih berusaha menjalankan segala langkah yang patut, segala ikhtiar yang ada padanya untuk menyelesaikan kedudukannya sebagai Ahli Dewan yang mulia ini dan mengingat kepada hal yang demikian untuk mengelakkan kemungkinan timbul perkara kedudukan yang agak embarrassing andaikata kita mengadakan pilihanraya semula di mana mungkin terdapat dua Ahli Dewan Rakyat menuntut hak bagi satu kerusi yang sama. Saya fikir inilah perkara yang pokok yang telah ditimbangkan dengan sedalam-dalamnya oleh Ahli-ahli Jawatankuasa yang Ahli-ahlinya adalah sangat eminent orang-orangnya yang dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri dan dalam semangat yang demikian, saya sukacita dan

berharap kepada Ahli-ahli kedua-dua pihak, pihak Kerajaan dan juga pihak Pembangkang supaya menunjukkan semangat murah hati atau magnanimity untuk menerima lapuran ini sebagaimana yang dibentangkan kepada kita.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.46 p.m.

**Dr Tan Chee Khoo (Kemping):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan.

Terlebih dahulu, saya ingin membantah tentang kelewatan usul ini dibentangkan atau dibahaskan di dalam Dewan ini. Saya telah membaca di dalam Lapuran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, mesyuarat yang telah mengambil keputusan ini adalah pada 9hb April dan mengapakah lapuran ini begitu pendek tidak dibentangkan pada 10hb April? Mengapakah hari ini kita baharu membahaskan usul ini dan hari ini juga dibentangkan. Saya tidak . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sebelum Ahli Yang Berhormat pergi jauh, tolong baca sekali lagi para 4 iaitu: "Jawatankuasa tidak boleh mengambil sesuatu keputusan kerana dalam mesyuarat itu belum ada satu bukti bahawa Yang Berhormat dari Menglembu sudah membuat rayuannya". Surat bertarikh 11hb hanya saya terima pada 12hb, setelah itu baharu boleh diambil sesuatu tindakan.

**Dr Tan Chee Khoo:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang hendak menyentuh tentang perkara itu juga, Tuan Yang di-Pertua. Saya membantah ialah tentang kelewatan kertas ini dibentangkan di dalam Dewan ini, dan bukan buat kacau sahaja tetapi perkara tentang keanggotaan seorang Ahli Dewan ini paling penting, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya keputusan yang telah diambil oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ialah untuk melucutkan kelayakan wakil dari Menglembu timbullah kita tidak ada masa untuk menyelidiki dengan sedalam-dalamnya perkara ini. Tetapi Jawatankuasa Hak dan Kebebasan sekarang

telah menangguhkan keputusan untuk melucutkan kelayakan wakil dari Menglembu sebagai Ahli Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap bukan sahaja kertas ini tetapi kelmarin umpamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Nanti dahulu! Tolong tumpukan percakapan Yang Berhormat itu kepada usul ini sahaja. Nanti ada peluang lain bercakap lagi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi saya berharap Kerajaan akan mengambil perhatian, silalah memberi masa yang cukup bukan kepada pihak Pembangkang sahaja malah anggota back-benchers dalam Barisan Nasional untuk mengkaji dan menyelidiki apa-apa perkara yang akan dibawa ke Dewan ini khasnya perkara yang paling penting seperti ini. Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di dalam pre-Council Meeting Barisan Nasional Kerajaan telah memberi jaminan kepada back-benchers . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat hadir bersama? (Ketawa).

**Dr Tan Chee Khoo:** Saya berpendapat sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Memanglah saya tidak hadir di dalam Pre-Council Meeting Barisan Nasional tetapi saya berpendapat bahawa back-benchers Barisan Nasional telah diberitahu bahawa Kerajaan akan memberi masa yang cukup untuk back-benchers dan lain-lain anggota Dewan ini untuk membaca dan menyelidik apa-apa perkara yang Kerajaan akan bawa ke Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tentang usul ini saya berpuas hati tentang keterangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Beliau telah menyatakan, wakil daripada Menglembu perlu diberi peluang untuk berusaha dan mengambil segala tindakan terhadap Privy Council dan selepas itu kalau sekiranya rayuan itu ditolak maka masa itulah Dewan ini boleh serahkan perkara ini kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk membincangkan di dalam Jawatankuasa tersebut dan mengambil keputusan supaya Dewan ini mengambil keputusan yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Atas keterangan itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan dan kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, seperti yang disebutkan di dalam bahasa Inggeris, keputusan ini ialah justice is not only done but it is seen to be done. Seen to be done ini ialah satu perkara yang paling penting kalau kita mengusahakan the rule of law di tanahair kita dan saya berharap pada masa akan datang, sekali lagi saya hendak ulangkan kepada Kerajaan, silalah memberi kepada Dewan ini masa yang cukup untuk mengkaji apa-apa perkara atau Bil atau kertas yang akan dibahaskan di dalam Dewan ini dan sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan atas keputusan yang telah diambil dalam perkara ini. Terima kasih.

3.52 ptg.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim (Kepala Batas):** Tuan Yang di-Pertua, pada waktu usul dikemukakan di Dewan yang mula ini pada 4hb November, saya masih ingat kita telah mengadakan satu perbahasan yang panas di mana pihak Pembangkang dengan tidak terkecuali semuanya bangun satu demi satu menuduh Kerajaan dan juga Ahli Barisan Nasional melakukan perbuatan yang pada anggapan mereka zalim, salah dan sebagainya seperti yang biasa dituduh. Saya lihat cara membuat political capital mengelirukan orang ramai, rakyat jelata. Maka pada hari ini dengan adanya laporan daripada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan ini ternyata, terdalillah bahawa apa-apa yang telah dituduh pada waktu itu semuanya ialah palsu, dusta, bohong iaitu propaganda pihak Opposition yang sudah menjadi kebiasaannya.

Pada hari ini bila nampaknya tidak ada alasan lain kerana mereka sudah dihadapi dengan satu hakikat bagaimana baik pihak kami waktu itu telah menerangkan iaitu perkara ini ialah berkait dengan seorang Ahli Dewan yang mulia ini. Kita tidak kira samada orang ini dari parti Kerajaan atau parti Pembangkang, tetapi oleh sebab ini satu soal yang berkait dengan hak dan keistimewaan seorang Ahli Dewan ini mestilah dilayan dan mestilah dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya menurut peraturan dan undang-undang.

Keutuhan Undang-undang, kemuliaan dan kedaulatan Dewan ini sebagai Dewan yang tertinggi dan kuasa yang muktamad untuk mengadil dan menetapkan samada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu itu sepatutnya terus menjadi anggota Dewan ini ataupun sepatutnya tamat daripada menjadi anggota Dewan ini. Ini adalah satu soal yang dibuat oleh kami dan pihak Barisan Nasional bukan kira samada Ahli itu dari Barisan Nasional ataupun lawannya. Semangat bertujuan maksudnya terus-terang kami telah nyatakan dan pada hari ini lapuran ini telah menunjukkan bahawa langkah yang dibuat itu bukan ditujukan untuk membuat aniaya kepada sesiapa, tetapi sebaliknya selepas dipertimbangkan, (selepas perkara ini dibawa ke mahkamah supaya mahkamah memberi satu hukuman bahawa langkah yang dibuat ini tidak betul ataupun ditolak terus) dipertimbangkan oleh Jawatankuasa ini dan telah didapati bahawa kita pada hari ini diminta bukan menjatuhkan sebarang hukuman, akan tetapi menangguhkan sebarang langkah oleh sebab sungguhpun Jawatankuasa ini telah bermesyuarat pada 9 haribulan dan pada 11 haribulan iaitu pada hari Ahad, peguam bagi Ahli Yang Berhormat dari Menglembu . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, 9 haribulan bukan hari Ahad.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** 11 haribulan ialah hari Ahad, melainkan jikalau ada kesalahan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tidak, 9 haribulan.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Surat ini yang datang daripada peguambela bagi Ahli Yang Berhormat dari Menglembu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, diterima pada hari Isnin, 12 haribulan.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Mengikut paragraph ini ialah bertarikh 11 haribulan. Dalam diary saya menunjukkan ini hari Ahad.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ya, betullah surat itu diterima pada 12 haribulan.

**Tuan Mohamed Sopiee bin Sheikh Ibrahim:** Ya, betul.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Bila saya bercakap, Ahli Yang Berhormat hendaklah duduk, baru dapat dengar dengan jelas.

**Tuan Mohamed Sophe bin Sheikh Ibrahim:** Saya minta maaf. Yang sebenarnya begini, saya terperanjat sebab rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Kepong yang saya selalu bertikam lidah dengannya, tetapi barangkali beliau ada juga perasaan yang jujur dan bila bangun dia menghentam teruk kerana kertas ini baru dibentangkan pada hari ini dan lewat katanya. Oleh sebab Tuan Yang di-Pertua sendiri telah mengambil perhatian, maka saya juga membawa diary untuk menyemak tengok sungguhpun pada asasnya kita semua bersetuju kertas-kertas, Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini patutlah diberi masa yang panjang. Ini bukan sahaja dituntut oleh Pembangkang tetapi pihak Barisan Nasional sendiri pun tahu, dia menuntut juga. Oleh sebab tidak ada modal lain pada hari ini dia terus menghentam kerana tidak cepat dibentangkan.

Saya hendak menarik perhatian orang ramai bagaimana cermatnya, bagaimana usahanya di bawah pimpinan Tuan Yang di-Pertua sendiri sebagai Pengerusi, Jawatankuasa ini yang telah bermesyuarat pada 9 haribulan, akan tetapi telah menerima pula rayuan daripada peguambela yang suratnya bertarikh 11 haribulan (hari Ahad), jadi seawal-awalnya dapat diterima oleh Tuan Yang di-Pertua sendiri pada hari Isnin, 12 haribulan. Pendeknya hari ini ialah hari Rabu, 14 haribulan, jadi bezanya selang sehari sahaja yang telah dapat menyiapkan laporan ini disampaikan kepada kami. Di sini saya sendiri mengucapkan berbilang terima kasih atas penghargaan tentang tegasnya usaha dan rajinnya bekerja dan juga menyampaikan surat ini seberapa cepat yang mungkin, oleh sebab sebagaimana saya katakan dahulu soal yang berkait dengan sifat, dengan kedudukan (status) seorang Ahli Dewan ini ialah satu perkara yang penting tanpa mengira samada orang itu dari pihak Kerajaan atau pihak lawan. Dengan sebab itu, saya menghargai dan mengucapkan berbilang terima kasih kepada usaha yang telah dijalankan untuk menyampaikan laporan ini kepada Dewan yang mulia ini seberapa cepat yang dapat supaya kita dapat tahu apa ke-

putusannya berkait dengan seorang Ahli Dewan kita dan saya fikir pendapat kita tentang keputusan ini tidak ada perbezaan.

Saya juga bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Jawatankuasa atas keputusan yang bijaksana yang penuh dengan fikiran dan sesuai juga dengan apa yang saya sendiri teka dan menerangkan dahulu waktu dibahaskan usul ini di dalam Dewan ini. Saya sudah katakan bukan dengan kita mengadakan Jawatankuasa ini terus-menerus mendapati orang itu bersalah, usirkan dia sahaja, akan tetapi kita akan mengikut undang-undang, mengikut peraturan. Ini dia keterangan yang peraturan dan undang-undang telah diikuti sehingga Ahli Yang Berhormat dari Kepong sendiri mengucapkan terima kasih dan memberi tahniah kepada Jawatankuasa yang telah dibangkang dengan sekeras-kerasnya dahulu. Saya harap semangat ini dapat kita pupukkan iaitu janganlah pihak Pembangkang mencari salah apa yang hendak dibuat walaupun untuk kebaikan dan untuk kemuliaan Dewan ini, untuk kemuliaan Ahli Dewan ini pun itu yang dianggap salah, tetapi sebaliknya pada hari ini dapat dalil, keterangan yang niatnya baik, jujur dan betul, kerja pun baik sehingga dapat kepujian daripada Ahli Yang Berhormat dari Kepong. Saya harap tidak perlu lagi kita mencari sebab yang lain dan sokonglah keputusan yang telah dikemukakan dan tangguhkanlah sahaja sebagaimana yang disyorkan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Saya suka menjelaskan supaya tidak ada kekeliruan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu tentang masa. Sebagaimana saya terangkan tadi saya telah menerima pada 12 haribulan. Laporan ini telah siap semalam lagi dan hendak dibentangkan semalam tetapi tandatangan Ahli-ahli Jawatankuasa Hak Kebebasan Dewan Rakyat belum dapat, bahkan tandatangan daripada pihak Ketua Pembangkang pagi tadi baru dapat setelah menalipon Ahli Yang Berhormat itu yang berada di Melaka semalam. Jadi dengan sebab pentingnya perkara ini difikirkan, itulah sebabnya Parlimen menyerahkan hari ini kalau-kalau persidangan Dewan ini lebih lekas ditangguhkan—maka oleh kerana pentingnya perkara ini sebab itulah dibawa juga pada hari ini. Jadi tentang kelengahan

yang dikatakan itu, saya tidak dapat memikirkan lebih lekas daripada ini dapat diedarkan.

4.02 ptg.

**Tuan Abdullah bin Majid:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya suka menambah apa yang diucapkan oleh kedua-dua Ahli yang bercakap sebentar tadi iaitu ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua sendiri kerana penjelasan yang telah diberikan tentang kelewatan membentangkan lapuran yang amat penting ini. Hanya perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepala Batas berkenaan dengan 11 hari-bulan, barangkali kalau kita mengingat bahawa Peguambela bagi Ahli Yang Berhormat dari Menglembu bertugas di Alor Star di mana hari minggu ialah hari kerja mereka, maka tidaklah hairan kalau surat ini diposkan pada hari minggu walaupun kita di sini tidak bekerja pada hari tersebut. Jadi kepada kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyokong usul saya tadi, saya mengucapkan terima kasih dan sekali lagi saya mengharapkan sokongan sebulat suara pada lapuran yang dikemukakan pada kita.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Lapuran Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan Rakyat yang telah dibentangkan sebagai Kertas No. Dr. 2 Tahun 1976, diterima.

(Tan Sri Abdul Aziz Yeop *mempengerusikan Mesyuarat*)

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG EKS AIS

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.05 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Richard Ho Ung Hun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang yang diberi nama Akta Eksais untuk meminda dan menyatukan Undang-undang berkenaan dengan eksais dalam Malaysia dibacakan bagi kali yang kedua.

Pada masa ini ada terdapat tiga undang-undang mengenai eksais yang berkuatkuasa di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Undang-undang itu ialah:

- (i) Akta Eksais, 1961 bagi negeri-negeri Tanah Melayu;
- (ii) Ordinan Eksais Sabah; dan
- (iii) Ordinan Eksais Sarawak.

Selain daripada undang-undang yang tersebut di negeri Sabah atau terdapat satu undang-undang yang berasingan berkenaan dengan hasil minuman arak iaitu "Liquors Revenue Ordinance".

Dalam tahun 1963 undang-undang eksais bagi negeri Sabah dan negeri Sarawak telah diubahsuaikan dan dijadikan undang-undang Persekutuan di bawah Modification of Laws (Excise) Order, 1964. Order ini tidak mengubah kandungan undang-undang tersebut tetapi cuma menyesuaikan dengan tujuan menjadikan semua perkara-perkara berkenaan dengan eksais di kedua-dua buah negeri tersebut di bawah tanggungjawab Menteri Kewangan.

Pada waktu Sabah dan Sarawak memasuki Malaysia, pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang eksais sangatlah mudah, kerana pada masa itu hanya terdapat beberapa jenis sahaja barang-barang yang tertakluk di bawah duti eksais, seperti tembakau, minuman arak, mancis dan petrolam. Dengan pesatnya perkembangan perindustrian dan juga ekonomi negara ini, khususnya pada akhir tahun enam puluhan, banyak jenis barang-barang kilangan tempatan telah dikenakan duti eksais untuk menambah hasil dan juga menggantikan kehilangan hasil dari duti import akibat dari perkembangan dalam perusahaan-perusahaan "import-substitution" negara ini. Pentadbiran Kastam dan Eksais serta perlaksanaannya telah menjadi lebih kompleks oleh sebab beberapa orders, undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah dikeluarkan untuk melaksanakan duti-duti baru yang dibuat di bawah ketiga-tiga undang-undang yang berasingan seperti di atas. Untuk melicinkan penguatkuasaan dan perlaksanaan berbagai undang-undang dan peraturan-peraturan itu dengan tujuan memperbaiki serta meninggikan mutu kecakapan maka mustahaklah undang-undang tersebut disatukan menjadi satu undang-undang yang uniform bagi seluruh Malaysia sebagaimana

yang telah dilakukan dengan undang-undang kastam. Penyatuan undang-undang eksais ini akan mengujudkan satu kawasan Kastam dan Eksais bagi seluruh Malaysia dan dengan yang demikian akan menghapuskan beberapa persengketaan seperti pembayaran cukai dua kali ke atas berbagai jenis barang-barang yang mana berlaku di bawah peraturan Kastam dan Eksais pada masa ini.

Penyatuan undang-undang eksais seperti yang dicadangkan ini tidak meminda asas atau perinsip-perinsip berkenaan dengan eksais yang sedia terjalin di dalam undang-undang sekarang. Walau bagaimanapun, kesempatan telah diambil untuk membuat beberapa pindaan kepada peruntukan-peruntukan yang sedia ada dan juga memasukkan peruntukan-peruntukan yang baru untuk melicinkan pentadbiran pengukuasaan serta perlaksanaan. Perbekalan-perbekalan yang penting dalam Rang Undang-undang baru ini adalah seperti berikut:

Fasal 6 memperuntukkan Menteri berkenaan dengan kuasa untuk menetapkan kadar duti eksais dengan membuat satu Perintah Duti sahaja bagi seluruh Malaysia dan apabila sesuatu barang itu telah dibayar duti di dalam wilayah di mana ianya diperbuat atau dikilang maka barang itu bolehlah diedarkan dengan tidak payah dikenakan apa-apa duti lagi. Mengikut undang-undang eksais sekarang pengedaran barang-barang yang dikenakan duti eksais dari Semenanjung Malaysia ke Sabah atau Sarawak atau sebaliknya adalah dianggap sebagai eksport dan import. Akan tetapi mengikut Rang Undang-undang Eksais baru ini pengedaran barang-barang di dalam ketiga-tiga wilayah akan dianggap sebagai pengedaran di dalam negeri sebagaimana barang-barang diedar misalnya daripada Perlis ke Johor.

Satu peruntukan eksais telah dibekalkan di bawah Bahagian XIV dalam Rang Undang-undang ini berkenaan dengan Labuan. Duti eksais pada masa ini tidak dikenakan ke Labuan. Mengikut peraturan yang dicadangkan di bawah Rang Undang-undang ini, satu perbekalan telah dibuat di mana duti eksais akan dikenakan ke atas barang-barang yang sama yang dikenakan duti import. Oleh kerana barang-barang seperti tembakau, curut dan rokok dan petrolum yang dikenakan duti import ke Labuan, tidak ada diperbuat di kilang di Labuan pada masa ini,

maka soal pengenaan duti eksais ke atas barang-barang itu tidaklah berbangkit, walaupun peruntukan ada diperbuat supaya sebarang kehilangan hasil dari import duti digantikan dengan duti eksais.

Berkenaan dengan pengedaran barang-barang berduti eksais daripada kawasan utama Kastam ke Labuan peraturan sekarang iaitu menganggap barang-barang tersebut sebagai eksport dan import akan diteruskan. Barang-barang yang diedarkan daripada Labuan ke kawasan utama Kastam juga akan dianggap sebagai import dan akan dikenakan duti import.

Bahagian XV Rang Undang-undang yang dicadangkan membekalkan satu peruntukan khas berkenaan dengan Perjanjian perdagangan bebas di antara Sabah dan Sarawak yang dikenali sebagai Borneo Free Trade Area Agreement. Di bawah perjanjian itu barang-barang adalah bebas diedarkan di antara kedua-dua negeri akan tetapi suatu peraturan pentadbiran telah dibuat untuk memastikan sesebuah negeri itu tidak akan mengalami kekurangan perdagangan di antara kedua-dua buah negeri berkaitan dengan perbezaan kadar duti kastam dan eksais. Perjanjian perdagangan itu sedang diulangkaji untuk mengadakan satu sahaja kawasan utama Kastam bagi seluruh Malaysia dan sehingga Menteri berkenaan memberi arahan sebaliknya perjanjian perdagangan itu adalah diteruskan.

Bahagian VII menyentuh berkenaan dengan perlesenan minuman-minuman arak. Kuasa menubuhkan Lembaga Perlesenan bagi minuman-minuman arak telah diturunkan oleh Menteri Kewangan kepada Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri di Semenanjung Malaysia. Akan tetapi di Sabah dan Sarawak peraturannya ada berbeza. Kuasa mengeluarkan lesen-lesen itu di Sabah terletak pada pegawai-pegawai kastam dan Pegawai-pegawai Daerah. Di Sarawak pula kuasa itu terletak di bawah bidang kuasa Majlis Tempatan. Apakala Rang Undang-undang Eksais ini dikuatkuasakan kelak adalah dicadangkan bahawa kuasa Menteri menubuhkan Lembaga Perlesenan di bawah rang undang-undang ini akan diturunkan kepada Ketua-ketua Menteri Sabah dan Sarawak dan mereka bolehlah menubuhkan Lembaga-lembaga Perlesenan di tiap-tiap daerah dalam Sabah dan Sarawak.

Mengikut perbekalan yang ada di bawah Akta Eksais sekarang pihak Kastam tidak mengambil berat atas berapa banyak atau mutu barang yang boleh diperbuat daripada sesejumlah barang mentah yang dipergunakan. Pihak Kastam hanya memungut duti ke atas barang-barang apabila ianya siap dan dikeluarkan daripada kilang. Sungguhpun pemeriksaan dilakukan untuk menentukan bahawa jumlah duti yang sebenarnya telah dipungut dengan betul, peruntukan ini memberi peluang kepada pengilang-pengilang melarikan atau mengelakkan duti-duti eksais. Akan tetapi dengan adanya perbekalan di bawah Fasal 9, ianya akan membolehkan pihak Kastam mencegah pelarian cukai dengan lebih berkesan.

Fasal 11 (2) memberi kuasa kepada Menteri Kewangan membuat pengecualian duti tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan perlu. Akan tetapi kuasa untuk mengecualikan pembayaran balik duti eksais dan juga mengarahkan bayaran balik duti eksais adalah terlebih di bawah kuasa Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Perbekalan-perbekalan ini adalah bercanggah dengan perbekalan undang-undang cukai yang lain di mana kuasa untuk mengecualikan bayaran cukai terletak dengan Menteri Kewangan. Memandangkan kepada perselisihan ini adalah difikirkan perlu untuk memberi kuasa kepada Menteri untuk mengecualikan pembayaran balik duti eksais. Kuasa ini bolehlah diperturunkan ke mana-mana pegawai jika perlu bagi kes yang melibatkan hasil yang tidak besar. Kuasa yang diberi kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan akan dimansuhkan.

Selain daripada peruntukan-peruntukan penting yang telah saya huraikan di atas ada juga peruntukan-peruntukan yang mana tujuannya adalah semata-mata untuk memperbaiki pentadbiran pengkuatkuasaan dan perlaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Shariff Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.15 ptg.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Bil yang bernama Excise Bill tahun

1976, satu Akta untuk meminda dan menyelaraskan undang-undang yang berhubung dengan eksais dalam Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, Bil ini bertujuan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk menubuhkan operasi kedai-kedai tuak dan kesemua penjualan akan dikehendaki di kedai-kedai tuak Kerajaan sahaja. Walaupun penjualan tadi dihadkan di kedai-kedai tadi Kerajaan sahaja, saya berasa dukacita menyatakan bahawa penjualan tadi secara haram telahpun meningkat di beberapa bahagian di negeri kita. Walaupun Kerajaan memaksa dan telah menubuhkan kedai-kedai tadi bagi penjualannya saya berasa hairan bagaimana minuman ini boleh dijual di luar kedai-kedai itu.

Tuan Yang di-Pertua, minuman ini dibeli dengan begitu banyak sekali dari kedai-kedai tuak Kerajaan dan kadangkala dijual dengan harga dua kali ganda di luar. Saya suka menyatakan dengan tegas di sini bahawa satu kumpulan haram bergiat di beberapa sektor kedai-kedai tuak di Bandaraya. Minuman ini dianggap sebagai minuman orang miskin yang kurang mempunyai wang. Walaupun saya anggap minuman keras sebagai satu bahaya sosial yang menjejaskan golongan yang berpendapatan rendah terutama orang-orang India yang telah menjadi ketagih dan membuat kerja-kerja yang keras, saya dapati mereka berasa susah untuk meninggalkan kebiasaan minuman-minuman ini. Maka kedai-kedai tuak Kerajaan sahajalah yang boleh diharapkan oleh mereka untuk menolong mereka memperoleh minuman ini. Saya difahamkan bahawa setiap hari sebaik sahaja tadi telah dihantar ke kedai-kedai yang berkenaan ianya habis dalam masa sejam atau dua. Setengah-setengah orang yang bijaksana menunggu di luar pagar kedai itu dengan baldi untuk menerima tadi dari cjen-ejen kedai-kedai tuak. Mereka menggunakan budak-budak kecil yang mengambil giliran mereka untuk membelinya berulang kali semua tadi yang sedia ada untuk disimpan dalam gudang-gudang mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selepas ini kedai-kedai tuak haram mula menjalankan perniagaan mereka. Mereka menjalankan perniagaan dengan pertolongan satu atau dua orang self-style security guards, mereka cuba menarik keluar darah orang-orang miskin dan yang berpendapatan rendah. Maka di

sinilah timbulnya soal apakah pihak Kastam sedang buat. Mereka memang tahu semua yang berlaku di sini. Setengah daripada mereka merasa mengapakah saya harus mengambil berat untuk menguatkuasakan undang-undang. Di sinilah, Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tidak dapat dijalankan seperti yang diharapkan. Pegawai-pegawai Kastam berasa tidak perlu untuk menguatkuasakan undang-undang di situ dengan terus-terang. Pernah orang mengatakan bahawa hanya botol-botol todi yang telah dibenarkan sahaja dijual di luar kedai-kedai tuak, tetapi ada juga botol-botol todi yang dibuat dengan serta-merta dan diedarkan secara haram berbatu-batu jauhnya dari kedai-kedai tuak di bandaraya dan di tempat-tempat yang lain.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, pengkajian saintifik oleh ahli-ahli yang bukan saintis di dalam menerbitkan todi tiruan juga telah meningkat naik. Ini jelas didapati di Sabak Bernam di mana todi tiruan dibuat sekarang dari benih koko dicampur dengan 30% todi tulin. Minuman ini disimpan dalam satu container selama dua atau tiga hari untuk membolehkannya sedia boleh diminum. Selepas ini ianya diedarkan kepada pekerja-pekerja ladang orang-orang India yang kurang bernaib baik agar mereka pergi dalam tempoh masa yang agak sengkat. Perkara ini telah dilaporkan kepada saya babaru-baharu ini oleh penduduk-penduduk di Sabak Bernam. Pengedaran ini dilakukan dengan begitu berkesan sekali seolah-olah di-kendalikan oleh satu syarikat pengedar. Pengedarannya dari rumah ke rumah, di ladang-ladang daerah Sabak Bernam sudah menjadi satu perkara yang besar pada hari ini di situ. Akan tetapi apa-apa tindakan pun tidak diambil sehingga sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh tentang alam sekitar dan keadaan kesihatan yang ujud di sekitar kedai-kedai tuak. Saya fikir kandang kerbau mempunyai alam sekitar dan keadaan kesihatan yang lebih baik dari kedai-kedai tuak hari ini. Di sana sini, mungkin ada satu dua kedai yang baik keadaannya, tetapi kebanyakan dari kedai-kedai ini adalah seperti pondok-pondok. Di situ tidak ada kemudahan-kemudahan yang baik untuk peminum-peminum. Walaupun keadaan demikian banyak hasil diperolehi dari kedai-kedai ini oleh Kerajaan dalam bentuk revenue. Duka-cita dinyatakan bahawa adik-adik dan

abang-abang saya dari ladang-ladang ini menjadi mangsa kepada keadaan yang semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila seseorang itu dalam keadaan minum todi dia tidak begitu mengindahkan alam sekitar dan keadaan kesihatan di sekitar kedai tuak dan jika sekiranya Kerajaan merasa bahawa pihak peminum sendiri tidak mengindahkan keadaan kedai-kedai ini mengapakah Kerajaan hendak menentukannya. Maka akan ujud pula masalah-masalah bagaimana hendak mengawal kesihatan kedai-kedai ini. Oleh yang demikian, saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri agar memastikan bahawa bangunan kedai-kedai tuak diawasi, dikawal dan diluluskan sebagai bangunan yang sesuai untuk manusia bermastautin di situ setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, todi bukan hanya diminum oleh orang-orang India sahaja pada hari ini, ia diminati oleh banyak kaum di negara kita. Sebagai minuman di antara beberapa kaum maka tarafnya telahpun meningkat naik. Maka adalah menjadi wajar minuman ini dijual di tempat-tempat yang sesuai. Tuan Yang di-Pertua, dalam penyiasatan penjual haram adalah menjadi susah untuk mendapat kerjasama dari orang ramai kerana sesiapa yang melapurkan perkara ini kepada pihak polis nyawanya adalah dalam bahaya dan diancam oleh penjual-penjual haram. Cara mereka menyebarkan maklumat di antara mereka didapati lebih berkesan dari yang kita amalkan pada hari ini. Adalah menjadi hairan sekali bagaimana mereka menjalankan kegiatan mereka. Sejauh mana yang saya tahu penjual-penjual haram ini mempunyai ejen-ejen di dalam Pejabat Kastam dan juga di dalam Pejabat Polis. Maka jika sesiapa yang akan melapurkan sesuatu perkara yang berhubung dengan penjual-penjual haram kepada pihak Kastam atau Polis, orang yang membuat laporan itu akan menghadapi permusuhan. Oleh yang demikian, saya suka mengesyorkan bahawa sebaik-baik sahaja sesuatu report diterima ianya haruslah disiasat dan penangkapan dibuat serta-merta oleh satu Unit Penguatkuasa Pusat yang tidak akan mengadakan apa-apa perhubungan dengan mana-mana tempat atau kawasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali oleh kerana harga yang melambung tinggi ditawarkan oleh penjual-penjual haram kepada

peminum-peminum miskin ini dan juga oleh kerana sudah habis dan tidak ada todi dijual dengan harga yang dibenarkan itu, maka peminum-peminum ditarik kepada penjual-penjual samsu haram yang telah membuktikan sebagai satu bahagian sosial yang agak besar dalam kurun ke 20 ini.

4.27 Ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong kerana saya ketahui bahawa mencari hasil (revenue) Kerajaan menerusi sistem eksais adalah satu cara yang terlama sekali dan memang patut daripada satu masa ke satu masa dikaji dan disesuaikan dengan keadaan ketika itu dan juga keadaan masyarakat serta keadaan negara kita. Saya mengalu-alukan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa dengan adanya cara baru ini perniagaan termasuk di negeri Sabah dan Sarawak akan dianggap seperti perniagaan dalam negeri. Macam kita berniaga, misalnya, dari Johor ke Negeri Sembilan dan Pahang dan sebagainya dan ini sangatlah menggalakan.

Di samping saya menyokong, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada beberapa bahagian. Pertama, ialah Bahagian II, Clause 3 sampai 5 di bawah tajuk "Perlantikan Pegawai-pegawai". Pegawai-pegawai yang dilantik, saya fikir hendaklah diberi latihan selengkap-lengkapnyanya berkenaan dengan segala tipu-helah yang digunakan oleh penyeludup professional. Pada masa ini penyeludup-penyeludup bukan lagi membuat kerja itu sambil-sambilan tetapi ada organisasi sama seperti modern business management juga dan setiap kali diubahnya cara dia menyeludup barang-barang itu, bukan lagi mengikut cara-cara lama. Jika pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam dan Eksais ini tidak diberi latihan-latihan seperti yang saya katakan tadi dengan cara-cara baru yang digunakan oleh penyeludup-penyeludup professional ini tentu sahaja mereka tidak akan berjaya menangkap penyeludup-penyeludup tersebut. Juga Kementerian hendaklah mengambil berat tentang alat-alat yang digunakan oleh pegawai-pegawai ini, walaupun diberi latihan sebegitu lengkap tetapi alat-alatnya tidak serupa dengan alat-alat yang digunakan oleh penyeludup-penyeludup professional ini, maka tentu sahaja menjadi kegagalan. Saya

juga suka menarik perhatian kepada Bahagian V, Clause 24—Penyimpanan Barang-barang Berduti. Tempat biasa disimpan barang-barang berduti ini, pada pendapat saya ialah di Government Ware House, di gudang-gudang swasta yang berlesen dan juga kawasan yang dipanggil dengan nama Free Trade Zone.

Tuan Yang di-Pertua, selalu kita dapati kekurangan tempat dan kerana kekurangan tempat ini terjadilah kesesakan dan ini membawa kepada beberapa kerumitan peniaga-peniaga terutama yang berniaga di bidang import dan export. Dengan sebab itu, Kerajaan hendaklah mengadakan gudang-gudang yang sesuai dan moden mengikut keadaan sekarang. Gudang-gudang yang didapati sekarang memang gudang-gudang yang dibuat 30-40 tahun dahulu penuh dengan habuk, panas dan sebagainya. Dengan adanya gudang-gudang ini dibuat oleh Kerajaan sendiri maka gudang-gudang swasta yang berlesen ini dapat dikurangkan. Walaupun ada gudang-gudang swasta ini maka kawalan yang lebih teratur dan ketat dengan syarat-syarat yang tertentu hendaklah dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian VII—Pelesenan, Clause 31. Menurut Clause 31 (1) hingga (5), Lembaga Pelesen adalah satu badan yang impartial yang antara lain mengatakan:

"Dengan syarat bahawa, kecuali Pengerusi, tidak seseorang pegawai awam yang atas sifat rasminya ada apa-apa urusan atau adalah dengan apa-apa cara jua kena-mengena dengan jualan atau pembelian liquor . . ."

Pendek kata ianya adalah satu badan yang betul-betul impartial. Dari itu saya berpendapat adalah sangat-sangat kena pada tempatnya jika Pengerusi Lembaga Pelesen itu dilantik dari seorang hakim (judge) kerana di sini ada mengatakan dengan syarat kecuali Pengerusi dan yang lain-lain tidak seorang pun daripada pegawai awam. Jadi saya syorkan supaya dapat Yang Berhormat Menteri mengambil perhatian bahawa Pengerusi itu adalah seorang yang sangat mustahak dan kalau betul-betul hendak menjadi impartial, eloklah dia bersikap sebagai hakim atau judge.

Bahagian VII juga saya suka sentuh berkenaan dengan todi yang telah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput.

Tetapi saya suka mengingatkan bahawa tadi ini adalah satu minuman yang memang murah dan disukai terutamanya oleh orang-orang Tamil atau India. Selain daripada apa yang dikatakannya minuman ini ada kalanya dicampur-campur dengan air sejuk dan sebagainya, juga ada di black marketkan. Kadang-kadang penjualan tadi ini kurang ukuran, kalaulah 1 pint ditaruhnya  $\frac{1}{2}$  pint dan ini juga adalah satu cara penipuan. Keadaan kedai juga sudah disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput, tetapi untuk menyenangkan Yang Berhormat Menteri, saya harap di masa yang lapang jangan pergi jauh-jauh hingga sampai ke Sabak Bernam atau di mana-mana, pergi ke kedai menjual tadi, misalnya di Jalan Raja Hussin dekat dengan Pasar Chow Kit Road di sana bolehlah didapati bagaimana keadaannya dan tentu sekali Pegawai Kastam mengetahui dan sedar akan keadaan ini. Jadi eloklah keadaan-keadaan ini dapat dikawal, kerana kalau undang-undang sahaja dikeluarkan dan dikuatkuasakan, tetapi pelaksanaannya tidak dibuat maka tentulah sia-sia sahaja. Menyentuh berkenaan dengan tadi, saya suka kalau dapat Yang Berhormat Menteri memikirkan kepada satu minuman yang lain iaitu samsu. Kalau tadi ini disukai oleh orang India, maka samsu pula disukai oleh orang China. Di sini saya bukan hendak menggalakkan supaya orang kita banyak minum atau masyarakat kita menjadi habitual drunkards, tetapi kita telah mendengar dan membaca beberapa perkara di mana samsu tanpa izin telah dijual dan membawa kepada kematian beberapa orang. Beberapa ikhtiar telah dibuat untuk menghalang samsu tanpa izin ini dibuat, masih juga ada lagi orang membuatnya, dan berterusan pula orang membelinya dengan menyebabkan berterusan kemalangan terjadi. Kalaulah begitu daripada didiamkan illegal samsu ini pergi di under ground, biarlah kita bawa dia ke above ground, halalkan jualannya dengan kawalan-kawalan dibuat sebagaimana kita mengawal jualan tadi dan tentu sahaja kita dapat menjaga kebersihan dan keadaannya juga menambah revenue Kerajaan.

Bahagian XI ialah Pembicaraan. Sebelum satu-satu perkara dibawa kepada mahkamah elok kita pandang apakah drama-drama yang terjadi sebelum orang yang dituduh itu dibawa ke mahkamah. Kalau tidak

salah Pegawai-pegawai Kastam telah bekerja dengan begitu keras, berkorban menghadapi bahaya daripada malam hingga ke subuh, membuat perangkap-perangkap atas informations atau tips yang didapati oleh mereka dari orang ramai dan sesudah bersusah payah maka tangkapan dibuat; hari bicara ditetapkan, dibawa kepada mahkamah. Professionals smugglers ini sebagaimana saya katakan tadi adalah benar-benar satu organisation dan mereka menggunakan peguam-peguam yang bijak untuk membela mereka. Kesudahannya bicara buang kes—acquitted and discharged.

Tuan Yang di-Pertua, bukan saya ini mensoal-jawabkan berkenaan dengan kehakiman dan sebagainya, tetapi ini adalah caranya, kerana pendakwa-pendakwa iaitu pegawai-pegawai daripada Jabatan Kastam dan Eksais yang mendakwa kes-kes ini adalah daripada golongan pegawai-pegawai yang tidak begitu dalam dan luas pengalamannya dan senang sahaja di dalam pembicaraan itu, disergah sedikit oleh peguam-peguam, boleh jadi dia nervous dan apa yang patut dikatakannya tidak dikatakannya, kesudahannya orang yang benar-benar salah didapati tidak bersalah. Dengan sebab itu, saya suka-lah supaya dapat Kementerian memandang berat perkara ini supaya kalau tiap-tiap kes dibawa ke mahkamah, yang benar-benar salah, tetapi seperti saya katakan tadi keputusannya dibuang kes ataupun acquitted and discharged, maka ini mendatangkan perasaan frustration kepada pegawai-pegawai berkenaan. Akibatnya mereka tidak hendak bekerja dengan bersungguh-sungguh.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh kepada Clause 78, muka surat 50 berkenaan dengan rasuah. Saya berharap orang yang menawarkan rasuah hendaklah dikenakan hukuman yang lebih berat daripada orang yang menerima. Pada masa yang lampau orang yang menerima sahaja yang mendapat bala daripada rasuah ini tetapi orang yang menawarkan rasuah tak disebutkan apa-apa. Saya berharap sangat supaya orang yang menawarkan rasuah hendaklah dikenakan hukuman yang lebih berat daripada yang menerimanya. Sekianlah sahaja teguran saya.

## 4.42 ptg.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya (Maran):** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun turut menyokong Rang Undang-undang yang baharu sahaja dibentangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan. Di samping itu juga suka saya melafazkan se-patah dua kata mengenai Rang Undang-undang ini. Dan mungkin apa yang saya per-katakan ini tidak menjadi begitu popular, tetapi sebagai seorang Islam, saya rasa ada-lah menjadi kewajipan saya untuk membuat teguran ini.

Sebagai orang Islam, Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui bahawa minuman arak, membuat arak, menggalakkan orang minum arak dan menjual arak itu adalah salah dan berdosa. Dari segi kesihatan dan kemasyara-katan pun arak itu adalah juga perkara yang tidak digalakkan. Dan Kerajaan sendiri pun telah membetulkan imej negara kita sebagai negara Islam dan telah menghapuskan arak sebagai minuman di Majlis-majlis Makan Negara. Majlis-majlis Negeri dan sebagainya. Bahkan semua agama samada Kristian, Hindu, Buddhist dan lain-lain memang tak menggalakkan minum arak. Jadi berdasarkan agama rasmi negara ialah agama Islam, dan saya sebagai orang Islam, saya merayu kepada Menteri yang berkenaan yang juga sebagai seorang Islam untuk benar-benar secara praktiknya mengiktiraf agama Islam itu sebagai agama rasmi dan menjalankan segala langkah yang patut dan wajar supaya agama Islam itu betul-betul dihormati.

Saya suka menyentuh di sini mengenai Clause 31 berhubung dengan licensing. Kepada Menteri yang berkenaan, saya suka-lah merayu supaya di dalam perkara menge-luarkan lesen itu, suatu syarat penting patut-lah diadakan iaitu yang terutama sekali untuk menjaga taraf Islam, orang-orang Islam tidak dibenarkan memohon lesen untuk menjual arak, tak kira samada beliau itu beniaga di hotel-hotel yang besar di mana perniagaan mereka mengharapkan kepada pelancungan ataupun di motel-motel ataupun di mana-mana juga.

Perkara yang kedua, deposit ataupun wang pertaruhan yang dikenakan sebagai syarat memohon lesen hendaklah ditinggikan supaya ini merupakan suatu deterrent supaya ia tidak menggalakkan mereka yang bukan Islam untuk memohon lesen untuk menjual arak, todi dan sebagainya.

Perkara yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Menteri yang berkenaan ada berhak melantik Ahli-ahli Lembaga Pelesenan itu, saya harap juga sebagai tidak menggalak-kan rakyat di negara ini memohon lesen arak dengan berleluasa minuman itu, jadi ahli-ahli yang akan dilantik itu sepatutnya-lah jangan diambil di atas pertimbangan bahawa mereka itu adalah orang yang telah banyak berkhidmat dengan Kerajaan atau-pun di atas dasar perseorangan (on personal basis). Mereka itu hendaklah dilantik dari-pada orang yang betul-betul yang mempunyai kelayakan dan kebolehan untuk memper-imbangkan di antara keperluan arak dan kemasyarakatan dan saya berharap juga bahawa dalam melantik Ahli-ahli Lembaga itu, Menteri yang berkenaan tidak lupa kepada ketua-ketua berbilang agama, kerana saya percaya mereka itu ialah orang yang patut dan wajar yang boleh dipercayai memberi pertimbangan yang seadil-adilnya dan sewajar-wajarnya di dalam permohonan seperti ini.

## 4.47 ptg.

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka meng-ucapkan sebanyak terima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat itu yang telah memberi sumbangan yang sangat di-hargai dalam perbincangan ini.

Yang pertama Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telah menimbulkan perkara yang kononnya terdapat todi-todi yang telah dijualkan di luar kedai-kedai todi yang ada sekarang dan beliau telah menyen-tuh kepada satu kes yang spesifik di Sabak Bernam yang telah menjual todi tiruan ataupun todi yang kurang bermutu yang mungkin membawa akibat yang buruk kepada mereka yang membeli dan me-minumnya. Dan saya suka menyatakan di sini itulah maksud satu bahagian daripada Rang Undang-undang ini yang akan dikawal keadaan-keadaan yang diadakan itu khasnya di bawah Fasal 30. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini kelak, keadaan-keadaan yang kurang elok ini akan dapat dikawal. Begitu juga perbekalan di bawah Bahagian IV yang akan mewajibkan orang-orang ataupun pihak-pihak yang hendak membuat todi itu mempunyai lesen daripada Lembaga yang akan ditubuhkan itu. Dengan kelulusan Rang Undang-undang ini, kelemahan yang diadakan itu akan dibetulkan.

Berkenaan dengan adanya ejen haram yang bekerja dalam Pejabat Kastam, ini adalah satu tuduhan yang saya anggap serious dan saya akan mengambil perhatian atas aduan itu dan jika didapati ada keadaan yang buruk itu, Kementerian saya akan mengambil tindakan yang sesuai untuk menghapuskan ejen-ejen yang dikatakan ada bekerjasama dengan pengedar haram tadi itu di dalam Pejabat Kastam.

Yang Berhormat dari Kuala Selangor telah menyentuh Clauses 3, 4 dan 5, yang berkenaan dengan perantikan Pegawai-pegawai Kastam. Saya sangat setuju dengan beliau iaitu latihan sepenuhnya patut diberikan kepada Pegawai-pegawai kita itu supaya mereka dapat menentang penyeludupan-penyeludupan yang kian hari kian nakal dan cekap dalam kegiatan mereka itu. Saya akan ambil berat juga atas cadangan itu. Bahagian V ataupun Clause 26 juga disentuh oleh beliau mengenai kekurangan tempat storage dan mengikut beliau ini telah menyusahkan peniaga-peniaga kita. Mungkin benar juga gudang-gudang yang ada sekarang telah dibina pada zaman dahulu dan tidak lagi begitu sesuai untuk menemui keadaan zaman-zaman sekarang dan saya juga akan mengambil perhatian atas cadangan itu.

Berkenaan dengan Lembaga Pelesenan beliau telah menyatakan eloklah sekiranya semua langkah yang boleh patut diambil supaya ahli-ahli ataupun khasnya Pengerusi Lembaga itu dijamin adalah ditubuhkan ataupun dicapai oleh calon-calon yang sesuai dan impartial dan cadangan beliau itu ialah supaya Pengerusi itu dilantik daripada seorang seperti judge ataupun hakim. Saya di sini belum dapat pastikan di dalam Dewan ini pada petang ini samada cadangan itu dapat diterima akan tetapi saya suka menyatakan cadangan ini akan dikaji dan ditimbang dengan teliti dan jika feasible ataupun praktik memanglah Kementerian saya akan mengambil sesuatu langkah atau keputusan yang sesuai. Beliau juga menyentuh berkenaan dengan tadi tiruan. Inipun juga telah saya jawab tadi apabila saya memberi komentar atas cadangan Yang Berhormat dari Sungai Siput. Berkenaan cadangan beliau supaya saya melawat kedai tadi di Jalan Raja Hussin yang berdekatan dengan Dewan ini, saya harap beliau ada mendengar di dalam canteen dan saya suka

mencadangkan jika dapatlah satu masa yang sesuai, suka saya membuat lawatan itu bersama-sama dengan beliau.

Berkenaan dengan samsu yang beliau telah nyatakan yang dibuat underground ataupun secara haram yang telah kadang-kala membawa maut atau sakit teruk sebab racunnya, saya akan mengambil perhatian. Saya suka menyatakan di sini juga, Tuan Yang di-Pertua, memanglah maksud Bahagian IV daripada Rang Undang-undang ini dan apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dapatlah dikawal keadaan yang buruk itu melalui Lembaga Pelesenan.

Berkenaan dengan Bahagian XI ataupun peruntukan berkenaan dengan pembicaraan, Kementerian saya dan khasnya bahagian Kastam memang sentiasa faham akan kesukaran-kesukaran yang begitu besar yang dihadapi oleh Pegawai-pegawai Kastam, khasnya outdoor officers yang selalu membanting tulang untuk membuat serang hendap dan menyiasat kes-kes yang mereka hendak membawa ke mahkamah kita untuk dibicarakan. Saya juga sedar atas kecekapan kebanyakan peguam-peguam kita yang ada yang selalu mengeciwakan kerja-kerja Pegawai-pegawai Kastam kita di dalam lingkungan undang-undang di negara kita. Saya suka mengambil peluang di sini untuk merekodkan pujian-pujian saya sendiri atas kerja kuat dan kejujuran Pegawai-pegawai Kastam kita yang terus akan membuat kerjanya dengan cekap walaupun selalu menghadapi besarnya kesukaran baik dalam penyiasatan mahupun dalam membawa kes ke dalam mahkamah-mahkamah kita.

Berkenaan dengan Seksyen 78 mengenai rasuah yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya yang memberi rasuah itu dikenakan hukuman yang lebih berat daripada hukuman yang lazimnya dikenakan kepada penerimanya. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu cadangan yang saya percaya dianggap oleh banyak pihak-pihak yang menasabah tetapi keadaan ini pun telah dapat dikawal bukan dalam Akta Kastam ataupun Akta Eksais, tetapi sudah dikawal oleh Penal Code kita yang telah sedia ada.

Ahli Yang Berhormat dari Maran telah menarik perhatian Dewan ini iaitu ugama Islam tidak menggalakkan penganut-penganutnya meminum minuman keras dan penganut-penganut ugama lain begitu juga. Atas cadangan-cadangannya itu, saya

memang akan mengambil perhatian dan ini akan ditimbang juga oleh Pegawai-pegawai Kanan saya selepas perbahasan petang ini.

Begitu juga berkenaan dengan mutu Ahli-ahli Lembaga Pelesen itu, saya pun telah menjawab sedikit-sebanyak tadi apabila saya memberi komen atas syor-syor yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan tidak payahlah saya ulangi. Sekali lagi saya ucapkan sebanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya ada mana-mana yang saya lupa menyentuhnya, saya suka memberi jaminan bahawa saya akan cuba mengkaji perkara itu apabila *Hansard* ini siap. Saya akan menimbang satu-persatu bersama dengan pegawai-pegawai kanan saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tan Sri Abdul Aziz bin Yeop *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 75* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 76—*

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 76 dipinda, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Kertas D.R. 5/76 yang telah diedar kepada Dewan ini. Pindaannya seperti berikut:

*Clause 76—*

- (a) Insert the words "section 35 (1) shall, on conviction, be liable to a fine not" immediately after the words "a licence issued under" in line 2; and
- (b) delete the words, "or to both such imprisonment and fine" at the end thereof.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 76* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 77 hingga 89* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 90—*

**Tuan Richard Ho Ung Hun:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan bahawa Fasal 90 dipinda, sebagaimana yang telah dinyatakan di dalam Kertas D.R. 5/76 yang telah diedar kepada Dewan ini, iaitu:

*Clause 90:* Substitute the word "(c)" for the word "(d)" appearing at the end thereof.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 90* sebagaimana yang dipinda diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 91 hingga 92* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG INSTITIUT TEKNOLOJI MARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.05 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran (Dr Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu Rang Undang-undang bernama "Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi menubuh, menyenggara dan mentadbirkan Institiut Teknologi MARA dan bagi lain-lain perkara yang berhubung dengannya," dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Institiut Teknologi MARA berasal daripada satu usaha yang kecil di zaman penjajahan untuk memberi peluang kepada anak-anak Melayu melatih dalam bidang commercial atau perdagangan. Pada waktu itu Rural Industries Development Authority (R.I.D.A.) telah mengadakan biasiswa bagi penuntut yang gagal mendapat kerja berlatih

sebagai jurutaip, jurutrenkas dan book-keeper di beberapa commercial school swasta di Kuala Lumpur.

Dari permulaan yang kecil ini usaha menolong melatih pemuda Melayu telah meningkat sehingga Dewan Latihan R.I.D.A. sendiri ditubuh yang memberi latihan dalam jurusan yang disebutkan. Dewan Latihan R.I.D.A. tidaklah besar tetapi kejayaannya dalam bidang yang disediakan adalah baik.

Oleh sebab ini maka cadangan dibuat untuk meluaskan lagi peluang dan bidang latihan. Mesyuarat Kongres Ekonomi Bumiputra Pertama yang dihadiri oleh orang-orang yang sekarang ini digelar sebagai kapitalis Bumiputra dan menerima berbagai kecaman, telah mencadangkan supaya satu usaha raksasa melatih anak bumiputra dilancarkan. Hasil dari Kongres Ekonomi Kapitalis Kerdil Bumiputra inilah maka tertubuhnya MARA dan Instituti Teknologi MARA.

I.T.M. ditubuh dengan tujuan yang tertentu. Pada ketika Kongres Ekonomi Bumiputra diadakan, terdapat sedikit benar peniaga, pengusaha dan eksekutif Melayu dalam bidang swasta. Tiap-tiap kali teguran dibuat terhadap keadaan ini, jawapannya ialah tidak ada bumiputra yang terlatih dalam bidang-bidang commerce dan industry. Oleh kerana mereka tidak terlatih dan tidak ada pengalaman maka mereka tidak boleh diambil bekerja. Jika mereka tidak diambil bekerja maka mereka tidak akan dapat pengalaman ataupun kemahiran. Pendekata jika alasan yang dibuat oleh pihak swasta diterima maka sampai bila pun dunia perniagaan tidak akan ada eksekutif bumiputra dan penyertaan bumiputra. Dengan ini maka keadaan tidak seimbang akan berterusan. Oleh kerana kedudukan tidak seimbang antara kaum menimbulkan irihati, maka kemungkinan kekacauan berlaku tentulah lebih.

Dengan ditubuhnya I.T.M. maka bottleneck ini dapat diatasi. Kerajaan akan melatih anak-anak bumiputra supaya mereka ada kebolehan untuk mengisi berbagai jenis jawatan dalam bidang swasta. Selepas itu alasan bahawa mereka tidak ada kecakapan tidak boleh lagi diterima.

Untuk mengadakan Kursus-kursus Latihan di I.T.M. negara dan rakyat sanggup mengeluarkan belanja yang banyak. Sebenarnya berpuluh juta ringgit telah dibelanjakan.

I.T.M. tidak seperti institusi pelajaran tinggi yang lain. Ianya dibentuk khas untuk golongan yang berlatar-belakang tertentu. Kecapaian penuntut yang diterima masuk ke I.T.M. adalah kecapaian yang minima untuk kursus-kursus yang disediakan. Tetapi kecapaian yang rendah ini tidak akan menjadi masalah jika susunan latihan di I.T.M. dibentuk khas untuk golongan ini.

Dalam bidang pelajaran beberapa faktor penting menentukan kejayaan.

Yang pertamanya bilangan penuntut yang ramai mungkin membawa kepada bilangan yang lulus juga menjadi ramai. Sudah tentu kita tidak boleh dapat 11 yang berjaya daripada 10 penuntut. Dari 10 mungkin 10 berjaya atau kurang daripada itu. Jika kita menambah penuntut maka kita mungkin meninggikan bilangan yang akan lulus. Tetapi kita perlu ingat ini mungkin sahaja—bukan tetap. Beberapa faktor lain memainkan peranan dalam menentukan bilangan yang akan lulus.

Jika persediaan dibuat untuk 50 penuntut tetapi 100 diterima, ini bermakna tiap-tiap seorang penuntut akan mendapat separuh sahaja dari persediaan yang diadakan—iaitu separuh dari alat, separuh dari masa dan separuh dari tenaga guru.

Penuntut yang mendapat cuma separuh daripada apa yang diperlukan untuk menyerap pelajaran tidak mudah berjaya. Jika ia pula terdiri dari golongan yang mempunyai kelayakan yang minima, penyerapan ilmu menjadi lebih sukar lagi.

Apa yang kita lihat di I.T.M. ialah institution ini disediakan untuk 4,500 orang tetapi ianya menerima hampir 7,500 orang penuntut yang mempunyai kelayakan minima. Dengan menerima cuma separuh sahaja daripada kemudahan dan pengajaran maka sudah tentu kecapaian mereka tidak seperti yang dirancang.

Sepatutnya jika kita tahu bakat penuntut tidak begitu tinggi, kita perlu menyediakan bukan sahaja tenaga pengajar dan alat yang cukup, tetapi sebenarnya lebih daripada cukup. Dengan perkataan lain, jika penuntut-penuntut biasa memerlukan seorang guru, penuntut-penuntut yang kurang bakat perlu mendapat latihan daripada dua orang guru. Ini adalah satu kebenaran juga dalam bidang

pelajaran. Saya harap apa yang saya sebut di sini tidak ditafsirkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa saya ingin mengurangkan bilangan penuntut di I.T.M. supaya menjadi cuma 2,750 iaitu kerana disediakan tempat untuk 4,500. Apa yang perlu dibuat ialah menambah tenaga pengajar dan kemudahan. Saya juga tidak bercadang mengurangkan bilangan penuntut dari 7,500 kepada 4,500.

Satu lagi perkara yang penting dalam penyerapan ilmu ialah suasana. Keadaan yang tenang adalah penting untuk menyerap pelajaran. Sebab itu dalam khutub-khanah umpamanya tidak dibenar bising dan bercakap. Dalam keadaan kucar-kacir dan bising penuntut yang baik pun tidak dapat belajar. Penyerapan ilmu menjadi lebih sukar jika pelajar diharu dengan emosi dan fikiran yang lain. Perasaan marah yang membakar hati tetap akan menghalang penyerapan ilmu pengetahuan.

Dalam keadaan yang mana hati penuntut dibakar dengan syarahan-syarahan dan desakan bertindak, dalam keadaan yang mana kampus institusi pelajaran tidak pernah sunyi daripada huru-hara dan bising, dengan pidato dan demo, penuntut yang baik pun tidak dapat belajar. Apatah lagi penuntut yang below average.

Untuk menentukan penyerapan pelajaran berjalan dengan berkesan, suasana pelajaran mesti ada—iaitu ketenangan dan kebebasan daripada sebarang kekacauan dan bising.

Dari itu tentulah jelas bahawa kejayaan institusi pelajaran bergantung kepada kecakapan penuntut, tenaga dan alat pelajaran yang baik dan cukup, dan juga suasana pelajaran yang sesuai.

Kita mengaku bahawa penuntut yang diterima masuk ke I.T.M. tidak setara dengan penuntut di institusi pelajaran lain. Mereka sendiri menyebutkan tentang ini apabila mempertahankan pencapaian mereka yang berbeza dengan pencapaian penuntut institusi lain. Sungguhpun bakat mereka kurang, bakat mereka tidaklah satu per sepuluh dari bakat penuntut institusi lain ini. Tetapi apa yang didapati ialah pencapaian mereka dalam peperiksaan cuma 1 per 10 dari pencapaian institusi tertentu. Ini perlu direnungkan. Institusi pelajaran tidak menjadi institusi pelajaran kerana bilangan penuntut yang belajar di situ. Ianya menjadi institusi pelajaran kerana ilmu yang diserapkan oleh

penuntut di situ. Oleh itu satu institusi yang cuma memberi kejayaan kepada 10% sahaja daripada penuntutnya tidak menjadi institusi yang berjaya. Ia merupakan 10% sahaja dari menjadi institusi pelajaran.

Keadaan di I.T.M. tidak satu pun sesuai dengan penyerapan pelajaran. Yang pertama nisbah guru dengan penuntut tidak baik, yang kedua bakat penuntut kurang dan yang ketiga suasana pelajaran tidak wujud di Kampus I.T.M. Huru-hara dan bising dan seratus satu kegiatan yang tidak ada kaitan dengan pelajaran berlaku di I.T.M. Jika keadaan ini berterusan maka sudah tentu I.T.M. tidak akan dapat memainkan peranan yang ditentukan baginya.

Kerajaan yang menubuhkan I.T.M. atas desakan orang bumiputra bertanggungjawab bukan sahaja terhadap penubuhan tetapi juga terhadap hasil. I.T.M. sudah ditubuhkan dan perbelanjaan mengurus sudah pun disediakan. Sekarang apa yang menjadi nyata ialah hasil tidak tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada sebab dan sabit yang telah saya terangkan, pihak Kerajaan berpendapat bahawa I.T.M. patut disusun semula supaya tugasnya dapat dijalankan dengan licin dan sempurna. Dalam usaha ini dua Rang Undang-undang perlu diadakan. Kali ini saya kemukakan satu Rang Undang-undang bertajuk Instituit Teknologi MARA, 1976 yang bertujuan menjadikan I.T.M. sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pelajaran.

Pemindahan kepada Kementerian Pelajaran dianggap perlu kerana institusi ini dirancang sebagai institusi pelajaran dan mengambil penuntut dari sekolah-sekolah di bawah jagaan Kementerian Pelajaran. Diaanya juga bersaing dan perlu bekerjasama dengan lain-lain institusi pelajaran di bawah Kementerian Pelajaran.

Kementerian Pelajaran pula mempunyai lebih banyak maklumat tentang pelajaran yang berguna untuk I.T.M. Semua ini akan menolong I.T.M. mencapai kejayaan yang berlebihan. Inilah tujuannya memindah I.T.M. ke Kementerian Pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang izinkan saya membuat penerangan mengenai perbekalan-perbekalan yang penting seperti yang terkandung dalam Rang Akta, Instituit Teknologi MARA, 1976. Bahagian I Rang

Undang-undang ini mengandungi beberapa tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan di dalam Rang Akta ini; dan Bahagian II adalah berhubung dengan penubuhan, fungsi dan kuasa Instituit dan perbekalan-perbekalan yang penting adalah seperti berikut:

Mengikut Seksyen 3 Instituit Teknologi MARA dijadikan sebuah badan berkanun dengan kuasa-kuasa yang biasa dinikmati oleh sesebuah badan seperti itu. Kuasa-kuasa tersebut termasuklah kuasa untuk mendakwa dan didakwa, untuk membuat janji; memperolehi, mengambil, menerima dan memegang apa-apa harta, samada harta alih atau harta tak alih yang akan terletak padanya oleh sebab pembelian itu, atau menurut apa-apa pertukaran, pemberian, derma, pajakan, pemberian berwasiat atau lain-lain.

Sebagai sebuah institusi pelajaran, Instituit Teknologi MARA menurut Seksyen 4 diperuntukkan dengan kuasa-kuasa menyediakan kursus pengajian, mengadakan peperiksaan dan mengambil sebarang tindakan yang sesuai bagi pelajaran dan latihan di dalam berbagai bidang dan pekerjaan termasuk teknologi, sains perniagaan, perindustrian, pengurusan dan pentadbiran. Instituit Teknologi MARA juga boleh memberi diploma dan sijil-sijil kepada sesiapa yang mengikuti kursus pengajiannya. Seterusnya, Instituit Teknologi MARA boleh mengiktiraf diploma-diploma dan sijil-sijil pelajaran yang dikeluarkan oleh Institusi pelajaran atau badan-badan yang akan ditentukan oleh Majlis untuk maksud mengikuti kursus-kursus dan peperiksaan-peperiksaan yang diuruskan oleh Instituit Teknologi MARA. Selain daripada kuasa-kuasa tersebut Instituit Teknologi MARA juga boleh melantik, menaikkan pangkat kakitangannya, serta melakukan segala perbuatan dan lain-lain perkara samada bersangkutan atau tidak dengan kuasa-kuasa yang disebutkan tadi, sebagaimana yang diperlukan untuk memajukan pengajaran, latihan, kewangan, pentadbiran kebajikan dan tatatertib di Instituit itu.

Nyatalah bahawa kuasa-kuasa yang diberikan kepada Instituit Teknologi MARA itu adalah luas, dan ianya perlu diberikan supaya Instituit Teknologi MARA boleh menjalankan apa-apa rancangan pelajaran dan latihan demi kepentingan mencapai matlamatnya.

Namun begitu dalam beberapa hal yang penting kata pemutus adalah terletak dengan Menteri Pelajaran. Oleh itu mengikut Seksyen 7, kuasa untuk menubuh dan menyenggarakan cawangan Instituit Teknologi MARA adalah terletak dengan Menteri, iaitu setelah ianya berunding dengan Majlis Instituit itu. Menurut Seksyen 9 (1) hanya dengan persetujuan Menteri secara bertulis barulah boleh Instituit itu menjalankan sebarang kursus atau latihan untuk ijazah-ijazah, diploma-diploma, sijil-sijil dan lain-lain kelulusan yang dikeluarkan oleh Universiti atau lain-lain institusi pelajaran tinggi samada di dalam ataupun di luar negeri, dan menurut Seksyen 9 (3) pula kelulusan untuk menjalankan kursus dan latihan tersebut akan hanya diberi oleh Menteri, setelah ia berpuashati bahawa semua persediaan dengan pihak berkenaan telah diatur. Pengawasan yang ketat seperti ini ialah bertujuan untuk menentukan bahawa sebarang kursus atau latihan yang dijalankan di Instituit Teknologi MARA adalah benar-benar diperlukan oleh negara dan ianya diadakan hanya setelah kajian teliti dibuat untuk menentukan perkara-perkara tersebut.

Bahagian III Rang Undang-undang ini ialah berhubung dengan penubuhan Majlis Instituit Teknologi MARA mengikut Seksyen 13 (1) Majlis tersebut terdiri daripada ahli-ahli seperti yang disenaraikan di perenggan kecil (a) hingga (h) Seksyen 13 (2). Jumlah ahli Majlis ialah 13 dan ahli yang dilantik oleh Menteri ialah 3 tahun. Seksyen 13 (9) memperuntukkan iaitu lantikan samada yang dibuat oleh Menteri atau sebagai *ex-officio* boleh dibatalkan pada bila-bila masa oleh Menteri tanpa memberi apa-apa sebab.

Seksyen 14 (1) memperuntukkan bahawa Majlis ialah badan pentadbir Instituit Teknologi MARA dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan oleh undang-undang ini kepada Instituit itu melainkan kuasa-kuasa yang diperturunkan secara terus atau melalui peraturan-peraturan yang dibuat mengikut undang-undang ini kepada pegawai Instituit. Ada pun tugas Instituit menurut Seksyen 14 (2) termasuklah menjalankan segala kegiatan dan membuat semua perkara yang dianggap penting

dan mendatangkan faedah untuk memerintah, mengawas dan mentadbir Instituit itu.

Untuk membolehkan Majlis menjalankan tugas-tugas, Seksyen 16 (1) membekalkan Majlis dengan kuasa untuk melantik tiga Jawatankuasa Tetap iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan, Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan dan Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik. Jawatankuasa-jawatankuasa tersebut menurut Seksyen 16 (3) boleh pula melantik satu atau lebih jawatankuasa kecil, yang ahlinya terdiri daripada ahli Majlis atau melantik dari luar sesiapa yang difikir dapat membuat sumbangan kepada perkara yang sedang diperbincangkan. Se-seorang yang dilantik dari luar tidaklah boleh mengundi, dan seterusnya seksyen-seksyen 17, 18 dan 19 pula memperuntukkan keanggotaan dan tugas-tugas bagi ketiga-tiga jawatankuasa tetap itu.

Bahagian IV Rang Undang-undang ini mengandungi perbekalan-perbekalan berhubung dengan lantikan, kuasa dan tanggungjawab Pengarah, Timbalan Pengarah, Pendaftar dan Bendahari Instituit itu. Pemegang jawatan Pengarah mengikut Seksyen 20 (1) adalah dilantik oleh Menteri. Pengarah menurut Seksyen 20 (4) ialah Ketua Pegawai Pentadbir dan Akademik dengan kuasa untuk mengawasi secara am mengenai perkara-perkara berhubung dengan latihan kewangan, pentadbiran, kebajikan dan tatatertib Instituit. Begitu juga pemegang jawatan Timbalan Pengarah menurut Seksyen 20 (7) adalah dilantik oleh Menteri, iaitu setelah berbincang dengan Pengarah. Ia dikehendaki menjalankan tugas-tugas Pengarah apabila Pengarah, oleh sesuatu sebab tidak dapat menjalankan tugasnya. Seksyen 21 dan 22 memperuntukkan fungsi dan tanggungjawab bagi jawatan-jawatan Pendaftar dan Bendahari Instituit itu.

Bahagian V Rang Undang-undang ini mengandungi perbekalan-perbekalan berhubung dengan kewangan. Menurut Seksyen 24 (1) akan diadakan sebuah tabung yang dikenali sebagai Tabung Instituit Teknologi MARA yang akan ditadbir dan dikawal oleh Majlis. Tabung tersebut akan menerima semua peruntukan seperti yang disebutkan di perenggan kecil (a) hingga (h) Seksyen 24 (2). Anggaran pendapatan dan belanjawan termasuk perbelanjaan

modal bagi tahun yang berikut untuk Instituit ini menurut Seksyen 26 (1) akan dibentang oleh Pengarah kepada Majlis. Majlis menurut Seksyen 26 akan menimbang anggaran tersebut dan akan membuat sebarang pindaan atau perubahan yang difikir patut dan seterusnya menurut Seksyen 26 (5) akan dikemukakan kepada Menteri yang akan membuat keputusan muktamad terhadap anggaran itu.

Segala akaun Instituit menurut Seksyen 27 (2) akan diodit pada tiap-tiap tahun oleh Juru Odit Negara. Penyata akaun Instituit bersama dengan laporan Juru Odit Negara menurut Seksyen 27 (3) akan disampaikan oleh Majlis kepada Menteri dan menurut Seksyen 27 (4) pula Menteri akan membentangkannya di Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Menurut Seksyen 29 Majlis Instituit Teknologi MARA dikehendaki menyampaikan kepada Menteri suatu laporan yang mengandungi kegiatan-kegiatan Instituit bagi tahun yang lalu. Perbekalan-perbekalan seperti yang disebutkan itu adalah penting untuk menentukan bahawa pengawasan yang teliti dan menyeluruh dikenakan kepada segala perbelanjaan yang dibuat oleh Instituit itu, dan segala kegiatannya tidak terpesong daripada mencapai matlamat negara.

Bahagian VI Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan-peruntukan am dan di antara yang terpenting ialah Seksyen 35 yang membekalkan Menteri dengan kuasa untuk membuat peraturan-peraturan mengenai perkara seperti yang disebutkan di perenggan kecil (a) hingga (h) Seksyen 35 (2). Bahagian yang akhir iaitu Bahagian VII mengandungi beberapa peruntukan-peruntukan peralihan untuk menentukan bahawa perubahan taraf Instituit Teknologi MARA daripada sebuah Instituit pelajaran yang dikendalikan oleh Majlis Amanah Rakyat kepada bentuk yang sekarang ini, iaitu sebuah badan berkanun dapat dijalankan dengan licin dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-cadangkan.

**Tuan Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

5.30 p.m.

**Dr Tan Chee Khoo (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya hendak

membantah tentang kelewatan Akta ini dibentangkan di dalam Dewan ini. Saya telah mendengar dengan teliti ucapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tetapi malangnya beliau tidak memberi penjelasan tentang kelewatan Akta ini dibentangkan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin telah dikemukakan Rang Undang-undang ini dibaca pada kali yang pertama dan apabila ditanya, bila bacaan kali yang kedua dibahaskan, maka diberitahu bacaan kali kedua di dalam persidangan ini. Selepas itu saya mencari kertas saya tidak ada Akta ini. Saya pergi ke pejabat memohon satu copy Akta ini dan saya telah diberitahu belum sampai. Tuan Yang di-Pertua, bagaimanakah kita boleh membincangkan atau membahaskan Rang Undang-undang ini yang begitu penting kepada pelajar-pelajar di I.T.M. jika kita datang ke sini pada pukul 2.30 petang dan kali yang pertama kita membaca Rang Undang-undang ini. Ini bukan kali pertama. Kerajaan tidak langsung memberi notis bukan sahaja kepada pihak Pembangkang khususnya tetapi juga kepada pihak back-bencher di dalam Barisan Nasional.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan benar-benar hendak mendengar buah fikiran samada baik atau tidak, saya tegaskan Kerajaan mesti memberi kepada Ahli-ahli Dewan ini cukup masa untuk mengkaji dan menyelidik perkara yang begitu penting seperti Akta yang dibahaskan sekarang. Atau kalau Kerajaan berkehendakkan kita bercakap sahaja dan tidak peduli apa yang diucapkan oleh pihak Pembangkang mahupun back-bencher, maka mengapakah Kerajaan hendak membawa dan meluluskan Rang Undang-undang ke Dewan ini. It makes a mockery of democracy, Mr Speaker, Sir.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini kebenaran siapa bercakap dalam bahasa Inggeris.

**Dr Tan Chee Khoo:** Saya cuma menyentuh sedikit sahaja, bukan hendak bercakap dalam bahasa Inggeris terus. Saya berharap kepada Kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri boleh, bukan mengambil berat atau mengambil perhatian, tetapi mengambil perkara ini sebagai perkara yang serious dan

di masa yang akan datang memberi kepada kita cukup masa untuk mengkaji apa-apa Rang Undang-undang yang dikehendaki untuk dibahaskan di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah memberi sedikit-sebanyak sejarah I.T.M. dan mula-mulanya ditubuhkan dikenal sebagai Dewan Latihan RIDA dan sekarang telah menjadi I.T.M. di bawah pemerintahan MARA dan pada mula-mulanya barangkali tidak berapa ramai pelajar-pelajar, tetapi sekarang mengandungi barangkali 7,500 orang pelajar bertambah besar kalau dibandingkan dengan 8,000 orang lebih pelajar-pelajar di Universiti Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Pelajaran juga di dalam ucapannya telah menyentuh mula-mulanya pelajar-pelajar diajar dalam bidang Jurutrengkas, Secretaryship dan sebagainya tetapi sekarang pengajarannya telah diluaskan. Ini memang baik dan saya berharap dipersetujui oleh semua Ahli di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya hendak sentuh ialah barangkali masanya belum tiba, tetapi tidak berapa lama lagi saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh membuka pintu I.T.M. sedikit demi sedikit untuk pelajar-pelajar yang bukan bumiputra seperti yang disentuhkan oleh wakil daripada Kepala Batas apabila kita membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya memang sedar buat masa sekarang cadangan saya tidak akan diterima, tetapi kalau kita benar-benar hendak membentuk satu masyarakat yang berbilang kaum, benar-benar hendak mengadakan atau hendak mewujudkan perpaduan negara (national unity), kita perlu di dalam satu institusi seperti I.T.M. mesti membuka pintu kepada semua pelajar yang terdiri daripada semua kaum dan bangsa. Begitu juga saya berharap Kerajaan boleh menggalakkan Pelajar-pelajar bumiputra pergi ke Tunku Abdul Rahman College oleh sebab TAR College tidak menghalang pelajar-pelajar bumiputra melanjutkan pelajaran di sana tetapi malangnya tidak begitu ramai atau sedikit sahaja pelajar-pelajar bumiputra ada di TAR College. Diharap Yang Berhormat Menteri Pelajaran akan menggalakkan pelajar-pelajar bumiputra memasuki TAR College.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang masalah pelajar-pelajar di I.T.M. Yang Berhormat Menteri Pelajaran di dalam ucapannya menyatakan kemudahan-kemudahan seperti kuliah dan kelengkapan semuanya ialah untuk 4,500 orang pelajar tetapi pada masa sekarang ada 7,500 orang pelajar. Ini bermakna kekurangan kemudahan-kemudahan yang sesuai dan saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran sekarang selepas Akta ini diluluskan di dalam Dewan ini dan juga di dalam Dewan Negara dan dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong, I.T.M. akan diletakkan di bawah Kementerian Pelajaran dan diharapkan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh mengadakan kemudahan-kemudahan yang sesuai.

Saya berpendapat kemudahan-kemudahan tidak sesuai, umpamanya, padang permainan tidak mencukupi, badminton court dan sebagainya pun tidak mencukupi, jangan hendak kata asrama-asrama dan kakitangannya pun tidak mencukupi jika kita bandingkan dengan staff/student ratio yang ada di universiti-universiti kita dan jika kita tidak ada kakitangan yang mencukupi mungkin timbul suasana yang tidak begitu baik dan pelajar-pelajar akan menghisap dadah dan sebagainya. Tetapi kalau sekiranya kita wujudkan kemudahan-kemudahan yang sesuai dan mencukupi serta kakitangan yang mencukupi untuk guide pelajar-pelajar maka tunjuk perasaan seperti yang timbul di masa yang lalu barangkali boleh dikurangkan, kalau pun kita tidak boleh menghapuskan tunjuk perasaan. Tetapi, saya berharap Menteri Pelajaran sebagai seorang yang mengambil bahagian yang cergas apabila beliau menjadi seorang pelajar di King Edward VII College of Medicine di Singapura boleh sedar students unrest in this country has come to stay dan segala tindakan yang telah diambil dan akan diambil tidak boleh menghapuskan tunjuk perasaan (student unrest). I hope the Minister of Education also will give a measure of dissent. Saya berharap Menteri Pelajaran akan memberi room for dissent antara pelajar-pelajar, janganlah ingat semua apa yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran atau dibuat oleh Kerajaan Pusat akan dipersetujui oleh pelajar-pelajar, bukan sahaja di I.T.M. bahkan di seluruh universiti-universiti kita—itu

tidak akan berlaku. Tetapi kalau ada room for dissent maka tunjuk perasaan yang besar boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Pelajaran juga akan mengkaji semula pelajar-pelajar yang tidak atau belum diterima balik ke I.T.M. Saya berpendapat seramai 250 orang pelajar yang belum diterima balik ke I.T.M. terdiri daripada pelajar-pelajar tahun akhir dan barangkali akan mengambil peperiksaan akhir tidak beberapa lama lagi dan sekiranya mereka tidak dibenarkan kembali ke I.T.M., maka mereka akan menjadi very embittered citizens of this country. Itu saya percaya bukan maksud Menteri Pelajaran untuk tidak membenarkan mereka memasuki atau kembali ke I.T.M.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang apa yang ada di dalam Akta ini. Di dalam Fasal 4, I.T.M. akan memberi diploma dan sijil, tetapi di dalam Fasal 9 I.T.M. akan mengadakan kursus-kursus pengajian dan latihan berkenaan dengan ijazah dan lain-lain yang di-anugerahkan oleh universiti-universiti lain. Ini saya berharap tidak bermakna I.T.M. sendiri akan menganugerahkan ijazah-ijazah kepada pelajar-pelajarnya. Ini cuma pelajar-pelajar yang ingin memasuki I.T.M. yang akan diberi diploma dan sijil. Ini bukan ijazah. Saya rasa kita boleh mendapat keterangan daripada Menteri yang berkenaan apabila beliau menjawabnya. Ini penting, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab kita dengar antara sebab-sebabnya ada pelajar-pelajar di I.T.M. tidak puas hati ialah mereka berkehendakkan I.T.M. menjadi sebuah universiti dan Kerajaan telah memutuskan I.T.M. akan menjadi sebuah institusi pelajaran tinggi tetapi akan menganugerahkan diploma dan sijil sahaja bukan ijazah. Itu bukan bermakna I.T.M. tidak menyediakan pelajar-pelajar untuk mengambil peperiksaan universiti-universiti lain di dalam Malaysia mahupun di luar Malaysia juga.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Menteri Pelajaran beliau ada menyatakan tentang Majlis I.T.M. Beliau berkata Majlis ini ada 13 orang anggotanya tetapi di dalam Huraian yang diberi di dalam Akta ini (muka surat 28) anggota-anggota yang dilantik oleh Menteri akan terdiri seramai maksimum lima belas orang. Ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, walaupun tidak disebutkan di dalam

Akta ini barangkali maksud Kerajaan ialah Kerajaan akan menambahkan keanggotaan Majlis I.T.M. ini daripada 13 sehingga 15. Saya hendak bertanya kepada Menteri Pelajaran mengapakah tidak membefi peluang kepada graduates I.T.M. menjadi anggota Majlis I.T.M. seperti yang dilakukan di dalam keanggotaan Majlis Universiti Malaya, Universiti Sains, Universiti Pertanian, Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi Malaysia, semuanya ada antara anggotanya 2 orang graduates universiti yang berkenaan dan saya berharap Menteri Pelajaran boleh mengambil kesempatan untuk menambah keanggotaan Majlis I.T.M. terdiri daripada 2 graduates daripada I.T.M. Pada pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perlu oleh sebab graduates daripada institusi pelajaran tinggi boleh mengambil peranan yang penting dan baik juga terhadap Alma Mater mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menentuhkan tentang Pengarah. Apabila kita membahaskan pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti saya telah menyatakan Naib Canseler di bawah pindaan yang diluluskan di dalam Dewan ini telah menjadi hatchet man of the Minister of Education. Nampaknya Pengarah di dalam Akta ini pun boleh menjadi hatched man of the Minister of Education. Saya bercakap, Tuan Yang di-Pertua, Pengarah sekarang ada kuasa untuk melantik Ketua Sekolah dan Centres of Education di dalam I.T.M. Ini saya hendak menarik perhatian Menteri Pelajaran tentang kuasa ini. Kita sedar, di dalam Akta ini mahupun di dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, Naib Canseler ada kuasa. Kita bukan membantah. Akta itu telah menjadi law, tetapi yang sedih, apabila Naib Canseler mahupun Pengarah ini melantik seseorang menjadi Dean atau Ketua, School of Architecture umpamanya, mereka tidak berhubung atau berunding dengan kakitangan di dalam fakulti itu mahupun di dalam sekolah itu. Ini amat sedih oleh sebab kalau sekiranya tiada dialog antara Naib Canseler atau antara Pengarah dengan kakitangan sekolah itu timbullah perasaan yang tidak baik dan barangkali boleh menimbulkan tunjuk perasaan juga. Oleh itu saya berharap Menteri Pelajaran boleh nasihat Naib Canseler di seluruh universiti-universiti kita mahupun di I.T.M. berhubung dengan kakitangan fakulti masing-masing dan mendengar buah fikiran

kakitangan di dalam fakultinya. Beliau tidak payah menerima apa-apa cadangan daripada kakitangan di dalam fakultinya, tetapi kalau beliau ada berhubung dengan mereka, mereka berpuas hati atas apa tindakan atau perlantikan yang akan diambil oleh Naib Canseler atau Pengarah.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri Pelajaran kalau hendak melantik seorang menjadi Pengarah, janganlah melantik seorang yang terdiri daripada Perkhidmatan Awam (Civil Service). Di harap Menteri Pelajaran akan melantik seorang yang benar-benar academician. Oleh sebab kalau kita lantik seorang yang terdiri daripada civil service, barangkali beliau tidak sedar tentang apa-apa perbezaannya antara kakitangan perkhidmatan awam dengan pelajar-pelajar mahupun kakitangan akademik di dalam sesuatu Institusi Pelajaran Tinggi. Oleh itu the heavy hand of the bureaucracy barangkali timbul beberapa perasaan yang tidak baik.

5.54 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama, saya mahu membantah kelewatan Rang Undang-undang ini dibentangkan dan baharu hari ini kita dapat Rang Undang-undang ini dan hari ini kita mahu bahas dan meluluskan satu Rang Undang-undang yang sangat nyata satu hakikat daripada peristiwa di Instituti Teknologi MARA yang berlaku di awal tahun ini dan saya percaya Rang Undang-undang ini ada sedia bukan semalam atau dua tiga hari dahulu tetapi barangkali sudah beberapa minggu. Dan Rang Undang-undang ini bukan mengenai dua tiga fasal, tetapi ada sangat tebal dan peruntukan-peruntukan dalam Rang Undang-undang ini pun sangat rumit dalam beberapa bahagian, dan tentulah Dewan ini tidak boleh memberi satu perhatian yang sungguh-sungguh dalam untuk perkara di hadapan kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran dalam ucapannya ada memberi sebab-sebab Rang Undang-undang ini dikemukakan dan kita ada dengar mengenai perkembangan I.T.M. dan keadaan di mana pelajar-pelajar melebihi daripada kemudahan-kemudahan yang ada. Dan itu menunjukkan bahawa tidak tepat, tidak patut kenyataan Yang Berhormat Menteri Pelajaran yang beliau ada buat dahulu menyalahkan pelajar-pelajar yang gagal. Kita dengar

bahawa 10% sahaja yang lulus, adalah satu kadar kegagalan yang sangat tinggi apabila dibandingkan dengan lain-lain Institusi Pelajaran Tinggi. Oleh kerana faktor-faktor kegagalan pelajar-pelajar di I.T.M. boleh dicari daripada pengurusan atau pentadbiran I.T.M. sehingga sekarang di mana kemudahan-kemudahan yang tidak mencukupi diberi kepada pelajar-pelajar yang tidak boleh menggunakan atau mendapat faedah sepenuhnya daripada kursus-kursus yang ada di I.T.M.

Sungguhpun kita ada dengar bahawa satu daripada tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk mengelakan huru-hara yang ada berlaku. Saya rasa sangat penting pihak Kerajaan mesti boleh mencapai satu balance antara tujuan mengeluarkan lebih banyak, lebih ramai pelajar-pelajar yang ada kelayakan dalam perniagaan dan lain-lain kursus dan tujuan untuk mengeluarkan warganegara atau rakyat yang boleh berfikir dan apabila saya baca Rang Undang-undang ini, saya dapat satu perasaan bahawa nampaknya tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk menjadikan I.T.M. sebagai satu Jabatan Kerajaan (Government Department) dan satu Institusi Pelajaran Tinggi bukanlah satu Jabatan Kerajaan sungguhpun kita menyetujui bahawa punca kewangan daripada Kerajaan. Untuk satu Institusi Pelajaran Tinggi termasuk I.T.M. supaya boleh memainkan peranan dalam pembangunan negara kita, ia mesti boleh ada suasana akademik di mana ia menitikberatkan perkembangan fikiran di kalangan pelajar-pelajar. Saya ingat pada bulan Disember yang baru lepas ini, saya ada mengambil bahagian dalam satu forum di Universiti Sains Pulau Pinang, di mana saya merasa sungguhpun pelajar-pelajar sangat tertarik hati mengenai perkara-perkara penting yang berlaku di negara kita, mereka mahu tanya, mahu tahu serta mahu kemukakan, tetapi takut jikalau mereka membuat pertanyaan akan dimark dan akan merosakkan masa depan mereka. Itu bukan sahaja berlaku di Universiti Sains Pulau Pinang, tetapi di lain-lain universiti dan akan merebak kepada I.T.M. Saya rasa perkembangan ini tidak sihat untuk pertumbuhan Malaysia sebagai satu negara yang demokratik dan bebas di mana fikiran terbuka boleh dibiarkan.

Mengikut beberapa peruntukan dalam Rang Undang-undang ini, yang saya sebutkan untuk memperkuat perasaan saya bahawa

apa yang sekarang kita minta luluskan ialah untuk menjadikan atau menukarkan I.T.M. sebagai satu Jabatan Kerajaan, seperti Fasal 13 iaitu mengenai komposisi Majlis Institut Teknologi MARA. Dari komposisi yang diperuntukkan dalam Fasal 13 ramai anggota-anggota Majlis Institut Teknologi MARA ialah pegawai-pegawai Kerajaan dan daripada 3 sub-committee yang dikhaskan mesti ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan. Kita boleh lihat komposisi-komposisi yang kesemuanya atau kebanyakannya terdiri daripada pegawai Kerajaan. Begitu juga Jawatankuasa Hal Ehwal Akademik dan Jawatankuasa Hal Ehwal Kakitangan.

Berkenaan Pengarah mengikut Fasal 20 akan dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri, sungguhpun Timbalan Pengarah akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Menteri selepas perundingan atau consultation dengan Pengarah, tetapi ada satu peruntukan yang saya tidak faham kenapa ada perbezaan mengenai perantikan Pengetua atau Principal oleh cawangan-cawangan I.T.M. di mana ada diperuntukkan perantikan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, tetapi tanpa consultation dengan Director. Apa sebab ada perbezaan yang kecil itu di mana Deputy Director selepas consultation, tetapi Principal tidak dengan consultation. Saya tidak faham dan barangkali Yang Berhormat Menteri boleh memberi satu keterangan, apa yang saya terperanjat ialah mengenai Fasal 7 (4) dan (5) yang mengatakan :

“(4) Menteri boleh, dengan perintah yang disiarkan dalam Warta, membuat peruntukan-peruntukan khas yang difikirkannya perlu atau bermenafaat bagi maksud-maksud pentadbiran Cawangan.

(5) Tiada sesuatu jua peruntukan suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (4) boleh menjadi tidak sah oleh sebab ianya berlawanan dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau peruntukan mana-mana kaedah atau perundangan kecil yang dibuat di bawah Akta ini.”

Di bawah peruntukan ini ertinya ialah Yang Berhormat Menteri boleh membuat peraturan-peraturan untuk cawangan-cawangan atau branches I.T.M., sungguhpun peraturan-peraturan itu melanggar serta bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di

dalam Akta ini. Saya tidak tabu adakah ini sengaja atau tidak sengaja, dan jikalau peruntukan ini dibuat dengan sengaja untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri di bawah peruntukan ini membuat peraturan-peraturan bercanggah dengan Akta ini, saya rasa ini sangat luar biasa dan bukan sahaja luar biasa, tetapi melanggar prinsip-prinsip yang sangat mustahak, ertinya dengan peruntukan ini Yang Berhormat Menteri ada kuasa lebih daripada kuasa Parlimen. Sebelum Dewan yang mulia ini diminta meluluskan peruntukan ini, saya harap Yang Berhormat boleh memberi penerangan yang cukup kenapa beliau minta kuasa begitu besar dan begitu luas.

Saya harap pihak Kerajaan dan Yang Berhormat Menteri Pelajaran boleh memberi pertimbangan yang serious terhadap perkara di mana I.T.M. dalam perkembangan masa hadapan boleh memberi peluang kepada pelajar-pelajar pemuda-pemuda di negara kita berfikir dengan tidak terbatas atau terhad mengikut lunas-lunas atau apa-apa yang diletakkan oleh Kerajaan.

Akhirnya, satu perkara yang pihak Kerajaan mesti memperhatikan ialah mengenai pembukaan I.T.M. kepada semua pelajar-pelajar tidak kira kaum ada peluang belajar. Kita ada dengar kerap kali pemimpin-pemimpin, Menteri-menteri termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri mengatakan bahawa tujuan dasar Kerajaan ialah untuk membasmi kemiskinan tidak kira kaum dan bangsa. Ini ialah satu lapangan atau satu segi di mana pihak Kerajaan boleh dengan perbuatan dan tindakan memberi satu bukti serta satu kenyataan menunjukkan semua ikhtiar Kerajaan ialah untuk menolong orang miskin tidak kira kaum.

Pada masa ini sangat mustahak khasnya kepada pelajar-pelajar yang bukan Melayu, mereka nampak peluang untuk memasuki institusi-institusi pelajaran tinggi tipis atau berkurangan. Saya harap perkara ini boleh ditimbang dengan sehalus-halusnya dan diambil satu keputusan tidak lama lagi. Lagi satu peruntukan mengenai komposisi Majlis I.T.M., tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong ada bercadang supaya graduate di I.T.M. dilantik sebagai ahli-ahli di Majlis I.T.M. Dan itulah juga cadangan yang saya hendak kemukakan dan juga kakitangan akademik I.T.M. pun patut ada tempat di

Majlis I.T.M. Saya rasa dengan perubahan itu kita boleh mengelakkan satu keadaan di mana I.T.M. jadi sebagai sebuah Jabatan Kerajaan dengan meneliti Jabatan Kerajaan dan tentulah itu tidak akan berfaedah untuk perkembangan I.T.M.

#### 6.11 ptg.

**Tuan Ariffin bin Haji Daud (Permatang Pauh):** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Menteri Pelajaran kerana membentangkan Rang Undang-undang Instituit Teknologi MARA. Bagaimanapun, sebelum saya menghuraikan Rang Undang-undang ini saya tertarik hati dengan dua-tiga perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang. Perkara yang pertama yang menarik hati ialah meminta supaya I.T.M. dibuka pintu kepada semua kaum. Inilah perkara yang selalu diungkit-ungkitkan, pada hal bukan I.T.M. sahaja institusi pelajaran tinggi di negara kita. Banyak lagi institusi pelajaran tinggi di negara kita yang memang membuka pintu sepenuhnya. Pihak Pembangkang patut memahami bahawa dengan ditumpukan I.T.M. kepada bumiputra, ini bukan sahaja memberi faedah kepada kaum bumiputra tetapi juga faedah kepada kaum bukan bumiputra kerana selagi masih banyak bumiputra berpelajaran, selagi itulah keadaan negara kita akan aman, kerana kalau kaum bumiputra kurang berpelajaran, masalah akan timbul di mana mungkin huru-hara akan berlaku.

Perkara yang kedua yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak Pembangkang yang menarik perhatian saya ialah kemudahan-kemudahan yang tidak sesuai yang didapati sekarang di I.T.M. Kalau kita banding dengan institusi pelajaran tinggi yang lain di negara kita mungkin itu ada kebenarannya, tetapi kalau kita banding dengan institusi pelajaran tinggi di luar negeri, pada fikiran saya kemudahan yang didapati di I.T.M. sekarang memang lebih daripada yang patut diberikan dan kerana itulah penuntut-penuntut di situ terlalu dimuamukan, dimanja-manjakan sehingga mereka sendiri telah lupa tujuan asal mereka berada di situ.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Menteri yang berkenaan kerana sikap beliau yang tegas dalam menghadapi dan mengatasi

kegelisahan penuntut yang terdapat baru-baru ini di I.T.M. tetapi malangnya ada juga gangguan-gangguan daripada golongan luar. Inilah gangguan yang tidak sihat terutama sekali daripada parti-parti politik samada UMNO atau parti Pembangkang.

Dalam masa kegelisahan penuntut yang baru lalu itu, saya ada juga menerima risalah-risalah dan satu daripada risalah itu saya baca daripada mula sehingga akhir, dalam kiraan saya, saya dapati perkataan "krisis" 29 kali digunakan, tetapi saya cari mana yang disebut krisis itu, cuma perkataan sahaja tetapi yang betul-betul krisis itu, tidak ada, yang saya nampak cuma perkataan itu diperbesar-besarkan sahaja. Jadi, itulah yang mendukacitakan. Bila ada satu-satu perkara yang kecil-kecil timbul sengaja dibesarkan, samada oleh parti Barisan Nasional mahupun Pembangkang.

Suatu perkara lagi hasil daripada kegelisahan penuntut baru-baru ini terdapat juga beberapa perkara yang ingin saya memberi perhatian kepada Menteri yang berkenaan iaitu apabila tindakan telah diambil, kekalkanlah, jangan ditarik balik, dibincangkan dan sebagainya, kerana ini akan menunjukkan satu sikap yang kurang tegas sehingga timbul satu ketika di mana seolah-olah Pentadbiran I.T.M. sendiri merayu kepada mereka itu supaya membuat rayuan supaya diterima semula. Ini pada fikiran saya kurang sesuai. Apabila satu-satu tindakan diambil, jangan dielak-elak lagi ataupun jangan dibincang-bincangkan lagi. Tindakan yang tegas telahpun diambil terhadap mereka itu, kalau tidak suasana kurang sihat akan timbul lagi. Dalam hal ini juga pada fikiran saya patut juga kakitangan di I.T.M. mengandungi mereka yang betul-betul berkaliber terutama Pengarahnya, satu jawatan yang penting dan mustahak. Apabila kita teliti dalam Rang Undang-undang ini, mustahaklah bahawa jawatan Pengarah itu diberi kepada seorang yang betul-betul berkaliber dan yang betul-betul ada kebolehan hukan sebagai seorang robot sahaja tetapi mesti ada perasaan tegas dan juga ada perasaan peri kemanusiaan. Ada kadang-kala kita stern, sikap muram, ada kadang-kalanya kita mesti juga bertolak-ansur. Daripada sikap, pendirian seseorang, jangan sentiasa kita muram sahaja sehingga tidak mengerti hendak senyum sedikit pun.

Berkaitan dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan ini saya ingin mendapat penjelasan daripada Menteri Pelajaran tentang beberapa perkara misalnya Fasal 7 (5) seperti di bawah:

"(5) Tiada sesuatu jua peruntukan suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen-kecil (4) boleh menjadi tidak sah oleh sebab ianya berlawanan dengan mana-mana peruntukan Akta ini atau peruntukan mana-mana kaedah atau perundangan kecil yang dibuat di bawah Akta ini."

Pada fahaman saya ini adalah suatu kuasa yang terkeluar daripada yang ditentukan dalam Rang Undang-undang ini, tetapi apabila kita bandingkan Fasal 7 (5) dengan Fasal 29 (1) ini ada kekeliruan sedikit dan saya minta supaya Menteri berkenaan memberi penjelasan di atas perkara ini.

Satu lagi Fasal 13 (6) berkaitan dengan Ahli-ahli ex-officio. Dalam Fasal ini tidak disebutkan berapa lamakah Ahli-ahli ex-officio ini dijadikan sebagai Ahli Majlis. Kerana yang disebutkan cuma kuasa mem-berhentikan mereka ini oleh Menteri yang berkenaan iaitu dalam pecahan (9), tetapi berapa lamakah mereka mesti berkhidmat tidak disebutkan.

Lagi satu berkenaan Fasal 13 pecahan (14). Dalam itu disebutkan Ahli Majlis itu ialah 13 orang tetapi dalam Huraian ada disebutkan 15 orang. Jadi saya kurang faham sedikit mungkin kerana Rang Undang-undang ini diedarkan pada hari ini sahaja, tetapi bagaimana pun saya mintalah supaya Menteri Pelajaran memberi penjelasan sebab dalam huraian disebutkan Ahli 15 orang.

Saya juga turut menyokong Rang Undang-undang ini kerana pada Fasal 20 (6) diberi kuasa berkaitan dengan tatatertib. Inilah yang amat penting sekali dalam satu Institusi Pelajaran Tinggi kalau tidak diberi kuasa kepada seseorang yang tertentu untuk menguatkuasakan tatatertib hura-hara akan berlaku dan kegelisahan dalam Syarikat-syarikat dalam institusi-institusi ini akan timbul, tetapi dengan adanya kuasa ini kita harap perkara ini akan dapat diatasi.

Lagi satu perkara yang saya fikir penting juga, Tuan Yang di-Pertua, ialah dalam kita mengejar ilmu teknologi, sains, perdagangan, perniagaan, perusahaan, pengurusan atau pentadbiran sebagaimana yang

disebutkan dalam Fasal 4 (a) elok juga kita jangan ketepikan atau lupa ilmu kerohanian, kerana ini juga pada fikiran saya amat penting. Kerana dalam zaman sains dan teknologi ini kadang-kadang kita terlupa daripada segi ilmu kerohanian. Jadi saya harap pihak Pentadbir Institiut Teknologi MARA akan mengambil berat di dalam hal ini dengan harapan bahawa apabila penuntut-penuntut ini lulus bukan sahaja mereka mencapai ilmu yang tinggi dalam bidang sains dan teknologi, tetapi mereka ini akan mendapat sedikit-sebanyak ilmu kerohanian dan ugama.

Akbir sekali, dengan adanya Rang Undang-undang ini dan juga Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran Tata-tertib yang mungkin akan dibentangkan, kita harap bahawa Institiut Teknologi MARA ini akan mengeluarkan penuntut-penuntut, manusia-manusia yang berguna bukan sahaja daripada segi mata pencarian tetapi juga kepada negara dan bangsa.

6.25 ptg.

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini yang bertujuan memperbadankan Institiut Teknologi MARA menjadi satu Badan Berkanun yang akan berjalan mengikut Akta dan Peraturan-peraturannya yang tersendiri.

Saya rasa sudahlah sampai masanya Institiut Teknologi MARA ini dinaikkan taraf dan kedudukannya kepada taraf dan kedudukan yang lebih tinggi, setelah kita mendengar huraian yang diberi oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran tadi berhubung dengan sejarah perkembangan Institiut Teknologi MARA dari mulanya ianya ditubuhkan dalam zaman penjajah dahulu sehingga ke hari ini, Institiut Teknologi MARA telah melalui berbagai-bagai liku sejarah dan telah berkembang kepada peringkat bentuk dan taraf yang ada pada hari ini. Dengan diperbadankan Institiut Teknologi MARA ini menjadikan satu Badan Berkanun, mengikut tafsiran saya dan fahaman saya ianya telah dinaikkan taraf kepada taraf yang lebih tinggi daripada taraf yang ada sebelum ini. Ini saya rasa patutlah diterima dengan rasa bangga oleh segenap lapisan rakyat, terutama sekali penuntut-penuntut di Institiut Teknologi MARA sendiri. Selain daripada itu, dengan memperbadankan Institiut Teknologi

MARA ini, saya rasa banyaklah kebaikan-kebaikan yang akan diperolehi samada dari segi memperkembangkan perjalanan pentadbiran, urusan kewangan menentukan kemajuan-kemajuan akademik dan juga memperkembangkan peraturan-peraturan dan disiplin.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang di sini menyampaikan ucapan tahniah saya kepada pihak Kerajaan, terutama sekali Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran dan Pengarah Institiut Teknologi MARA yang telah dengan bijaksananya mengatasi dan menyelesaikan masalah yang timbul baharu-baharu ini iaitu yang terbit daripada peristiwa kekacauan yang berlaku di Institiut Teknologi MARA baharu-baharu ini.

Sungguhpun tindakan-tindakan yang telah diambil itu barangkali disifatkan oleh setengah-setengah pihak di dalam negara kita ini sebagai suatu tindakan yang keras dan ditentang oleh setengah-setengah pihak, tetapi saya rasa jika kita memikirkan sudah tidak ada jalan lain lagi, sudah tidak ada cara lain lagi, maka cara itulah yang sebaik-baiknya demi kepentingan, kepentingan pelajar-pelajar kita di Institiut Teknologi MARA itu sendiri, maka tindakan-tindakan seumpama itu perlu dijalankan. Saya sifatkan sebagai kita hendak mengubati seorang pesakit, jika terpaksa barangkali kita memberi sebiju pil yang pahit kepada seorang pesakit walau pun kita mendapat tentangan, tetapi terpaksa dengan menggunakan kekerasan kita memasukkan ubat pil itu kerana pada suatu hari akan datang, pada masa yang akan datang pesakit yang berkenaan akan menyedari bahawa ubat yang pahit itu menjadi ubat yang berguna kepada dirinya dan akan berterima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya mengambil peluang menyentuh di sini iaitu berkait dengan masalah-masalah yang timbul di mana-mana Pusat Pengajian Tinggi di dalam negara kita ini iaitu masalah-masalah pelajar seperti yang timbul di Institiut Teknologi MARA baharu-baharu ini. Saya sukalah memberi pandangan bahawa semua pihak dengan tulus ikhlas akan mencuba menyelesaikan masalah-masalah yang timbul itu hendaklah dengan cara yang rasional yang tidak terikat dengan perasaan sentimen dan prasangka. Janganlah

pada umumnya pihak pentadbiran menganggap bahawa semua pelajar adalah pengacau dan begitu juga pihak pelajar sendiri janganlah menggapkan semua tindakan yang diambil oleh pihak pentadbiran itu semata-mata bertujuan hendak mengongkong pelajar-pelajar. Jadi kalau sentimen seumpama ini dihapuskan maka sudah tentu tindakan-tindakan penyelesaian yang lebih rasional akan dapat dicapai. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Tuan Yang di-Pertua ada di sini, tidak ada dekat jam sana. (*Ketawa*)

**Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya cuba hendak menghabiskan hari ini, tidak mahu menyambung esok, jadi saya hendak cepatkan sedikit.

Satu perkara lagi yang saya hendak timbulkan ialah masalah siswazah. Siswazah yang keluar daripada Institiut Teknologi MARA banyak sungutan yang terdengar bahawa siswazah Institiut Teknologi MARA ini tidak mendapat tempat yang sewajarnya di dalam masyarakat. Tidak dapat diberi kedudukan yang sewajarnya. Pihak swasta umpamanya dan juga pihak-pihak Kerajaan tidak memberi pandangan yang baik terhadap siswazah-siswazah Institiut Teknologi MARA ini. Pada hemat saya perkara ini boleh diatasi jika semua

pihak memberi pandangan yang ikhlas dan sanjungan yang ikhlas terhadap siswazah-siswazah Institiut Teknologi MARA ini dan siswazah-siswazah ini sendiri akan cuba menunjukkan kebolehan mereka, pekerjaan mereka dengan secara dedikasi dan menunjukkan kebolehan mereka kepada masyarakat, maka kedudukan mereka akan mendapat pandangan, mendapat tempat yang lebih baik di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali iaitu di dalam Fasal 7 yang membenarkan Menteri menubuhkan dan mempercepatkan penubuhan Cawangan-cawangan Institiut Teknologi MARA. Saya suka mencadangkan supaya Cawangan-cawangan Institiut Teknologi MARA di luar-luar bandar diperbanyakkan kerana saya rasa banyak faedah yang diperolehi dengan penubuhan cawangan-cawangan di luar-luar bandar. Saya mendapat faham pihak Majlis Tindakan Daerah Besut ada mengemukakan kepada pihak yang berkenaan supaya menubuhkan sebuah cawangan di Daerah Besut di dalam kursus-kursus yang sesuai kerana di sana secara kebetulan ada satu . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh sambung esok. Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 15hb April, 1976.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*